



# **PRINSIP-PRINSIP ASAS PERGERAKAN ANTARABANGSA PALANG MERAH DAN BULAN SABIT MERAH**

# ETIKA DAN ALAT UNTUK TINDAKAN KEMANUSIAAN



## International Federation of Red Cross and Red Crescent Societies



ICRC



International Federation  
of Red Cross and Red Crescent Societies

International Federation of Red Cross and Red Crescent Societies  
P.O. Box 303, 1211 Genève 19, Suisse  
T +41 22 730 42 22 E-mail: [secretariat@ifrc.org](mailto:secretariat@ifrc.org) [www.ifrc.org](http://www.ifrc.org)



International Committee of the Red Cross  
19, avenue de la Paix  
1202 Geneva, Switzerland  
T +41 22 734 60 01 F +41 22 733 20 57  
Email: [shop@icrc.org](mailto:shop@icrc.org) [www.icrc.org](http://www.icrc.org)  
© ICRC, November 2015

**ICRC**

# **PRINSIP-PRINSIP ASAS PERGERAKAN ANTARABANGSA PALANG MERAH DAN BULAN SABIT MERAH**

**ETIKA DAN ALAT UNTUK TINDAKAN KEMANUSIAAN**

<b>Kenapa kita memerlukan prinsip-prinsip asas?</b>	<b>04</b>
<b>Kelahiran Prinsip-prinsip asas</b>	<b>08</b>
<b>Realiti peperangan dan krisis</b>	<b>14</b>
<b>Cabarani baru</b>	<b>16</b>
	<b>Prinsip</b>
<b>Tindakan Berprinsip: Wajah Kemanusiaan</b>	<b>22</b>
	<b>Pergerakan Antarabangsa Palang Merah dan Bulan Sabit Merah, lahir dari keinginan untuk membawa bantuan tanpa diskriminasi kepada mereka yang cedera di medan perang, berusaha dalam kapasitinya di peringkat antarabangsa dan kebangsaan, untuk mencegah dan meringankan penderitaan manusia di mana-mana sahaja ia mungkin dijumpai. Tujuannya adalah untuk melindungi nyawa dan kesihatan dan untuk memastikan penghormatan terhadap manusia. Ia juga mempromosikan persefahaman, persahabatan, kerjasama dan keamanan yang berkekalan di antara semua orang.</b>
	<b>Prinsip</b>
<b>Tindakan Berprinsip: Kesaksamaan dalam negara yang berpecah belah</b>	<b>32</b>
	<b>Tiada diskriminasi kewarganegaraan, bangsa, kepercayaan agama, golongan atau pendapat politik. Ia berusaha untuk meringankan penderitaan individu, dibimbing semata-mata dengan keperluan mereka, dan memberi keutamaan kepada kes kecemasan yang paling mendesak.</b>
	<b>Prinsip</b>
<b>KEBERKECUALIAN</b>	<b>40</b>
	<b>Demi terus menikmati keyakinan dari semua orang, Pergerakan ini tidak akan menyebelahi mana-mana pihak dalam persengketaan atau terlibat pada bila-bila masa dalam kontroversi politik, perkauman, agama atau bersifat ideologi.</b>

<b>Tindakan berprinsip: Membawa penjagaan kesihatan kepada semua di Somalia</b>	<b>48</b>
<b>Tindakan berprinsip: Keberkecualian dan komuniti</b>	<b>50</b>
	<b>52</b>
<b>Tindakan berprinsip: 'Sekali menjadi sukarelawan, selamanya bersukarelawan.'</b>	<b>69</b>
	<b>62</b>
<b>Bersatu: Asas kepada kebebasan</b>	<b>76</b>
	<b>70</b>
<b>Tindakan berprinsip: Kisah Suwarti: Kesejagatan diterap</b>	<b>84</b>
<b>Prinsip-prinsip saling berkait</b>	<b>87</b>
<b>Sumber dan rujukan</b>	<b>90</b>

**Prinsip**

## **KEBEASAN**

Pergerakan ini bersifat bebas. Persatuan-persatuan Kebangsaan, sebagai aukiliar (auxiliary) dalam perkhidmatan kemanusiaan kerajaan mereka dan tertakluk kepada undang-undang negara masing-masing, mestи sentiasa mengekalkan autonomi mereka supaya mereka boleh pada setiap masa bertindak mengikut prinsip-prinsip Pergerakan.

**Prinsip**

## **KHIDMAT SUKARELA**

Ia adalah satu pergerakan bantuan sukarela yang tidak didorong dalam mana-mana cara oleh keinginan untuk mendapatkan keuntungan.

**Prinsip**

## **BERSATU**

Hanya ada satu Persatuan Palang Merah atau Bulan Sabit Merah dalam mana-mana satu negara. Ia mestи terbuka kepada semua. Ia mestи melaksanakan kerja kemanusiaannya di seluruh wilayahnya.

**Prinsip**

## **KESEJAGATAN**

Pergerakan Antarabangsa Palang Merah dan Bulan Sabit Merah, di mana semua persatuan mempunyai status yang sama dan berkongsi tanggungjawab dan tugas yang sama dalam membantu satu sama lain, di seluruh dunia.

# KENAPA KITA MEMERLUKAN PRINSIP-PRINSIP ASAS?

Bayangkan anda adalah seorang sukarelawan Palang Merah atau Bulan Sabit Merah. Negara anda sedang mengalami perang saudara yang dahsyat dan tugas anda adalah merawat sesiapa sahaja yang sakit atau tercedera. Namun, untuk membawa pesakit anda ke hospital, anda perlu memandu ambulans anda melalui beberapa tempat pemeriksaan (*checkpoint*) yang dikawal oleh pihak kerajaan dan pembangkang. Di tempat pemeriksaan pertama, seorang askar ingin mengetahui siapa dalam ambulans. Apabila dia mengetahui pesakit anda adalah seorang lelaki dari kawasan dibawah kawalan pembangkang, dia enggan membenarkan ambulans anda lalu dan menuduh anda "membantu musuh." Apa kata anda? Bagaimana anda meyakinkannya bahawa tugas anda adalah untuk membantu semua orang yang terjejas oleh perang tanpa mengira pihak mana mereka berada?

Sekarang bayangkan telah berlakunya banjir besar dan anda bertanggungjawab mengatur pasukan-pasukan untuk menghantar makanan kepada mangsa yang terselamat. Ahli politik dan media memberi tekanan kepada organisasi anda untuk menunjukkan impak (bantuan kemanusiaan), dengan cepat. Mereka juga membuat permintaan mengenai siapa yang patut menerima bantuan dahulu. Bagaimana anda memutuskan siapa yang dibantu dahulu? Berdasarkan kriteria apakah yang anda buat keputusan anda? Situasi sukar seperti ini adalah perkara biasa bagi kakitangan serta sukarelawan Palang Merah dan Bulan Sabit Merah di sekitar dunia. Majlis Pergerakan Antarabangsa Palang Merah dan Bulan Sabit Merah telah membangunkan alat yang kukuh untuk membantu.





ICRC

**Prinsip-prinsip Asas adalah alat penting untuk mendapat akses kepada orang ramai yang terjejas oleh konflik dan bencana serta memastikan semua orang tahu misi kami hanya untuk tujuan kemanusiaan. (Gambar) Konvoi ICRC melalui tempat pemeriksaan untuk memindah mangsa-mangsa dari Dammaj, Yaman.**

Tujuh Prinsip Asas – kemanusiaan, kesaksamaan, keberkecualian, kebebasan, khidmat sukarela, bersatu dan kesejagatan – adalah yang paling penting daripada alatan ini. Mereka berfungsi sebagai inspirasi – ideal yang diperjuangkan – dan juga langkah praktikal yang perlu diambil untuk mencapai ideal tersebut pada masa aman, konflik bersenjata atau bencana alam. Prinsip-prinsip ini menyeru kami untuk membantu terlebih dahulu mereka yang paling memerlukan bantuan, tanpa mengira afiliasi politik, bangsa atau agama, dan memberi panduan kepada kami untuk mendapatkan kepercayaan orang ramai dalam semua keadaan.

Apabila prinsip-prinsip ini difahami dan dipatuhi, sukarelawan dan kakitangan Pergerakan secara amnya mendapat bahawa orang membenarkan mereka menjalankan kerja mereka untuk membantu golongan yang memerlukan, walaupun semasa konflik. Walau bagaimanapun, kadang-kadang, mereka dihentikan di tempat pemeriksaan, ditahan atau malah dibunuhan.

Itulah sebabnya adalah penting bahawa orang di sekitar dunia memahami Prinsip-prinsip Asas ini. Semua orang perlu tahu bahawa bantuan kemanusiaan yang kami sediakan tidak mengenakan apa-apa syarat. Contohnya, kumpulan bersenjata mesti boleh mempercayai bahawa perwakilan ICRC ingin memasuki kawasan di bawah kawalan mereka hanya bertujuan untuk membantu mereka yang memerlukannya dan tidak akan berpihak pada sesiapa. Begitu juga orang di sekitar dunia yang menyumbang-kan masa atau wang mereka kepada persatuan kebangsaan, perlu tahu bahawa sokongan mereka akan membantu yang paling terdedah sahaja.

Prinsip-prinsip Asas ini juga merupakan ekspresi nilai dan ideal yang menyatukan Pergerakan ini. Di atas segalanya, Prinsip-prinsip ini adalah panggilan bertindak bagi sukarelawan dan kakitangan Pergerakan, mendorong kami – seperti yang diungkapkan oleh Prinsip kemanusiaan – untuk “mencegah dan mengurangkan penderitaan manusia di mana sahaja ia mungkin dijumpai.”

**Seorang wanita membawa makanan yang diedarkan oleh Persatuan Bulan Sabit Merah Pakistan selepas banjir monsun.**



**Persatuan-persatuan Kebangsaan mesti sentiasa mematuhi Prinsip-prinsip Asas. (Gambar) Sukarelawan Palang Merah Mexico membantu seorang wanita selepas taufan pada 2013.**

## **Kenapa (mereka ialah) asas?**

Prinsip-prinsip Asas menjelaskan mengapa Pergerakan ini wujud. Walaupun Prinsip-prinsip menyatakan visi kami, ia bukan dogma atau hanya satu set kepercayaan yang setinggi langit; dalam banyak cara ia mencerminkan ideal tertinggi manusia - satu refleksi mengenai aspirasi yang paling berperikemanusiaan. Tetapi mereka juga sesuatu yang masuk akal, piawaian yang praktikal yang membolehkan kami membawa bantuan penting kepada orang ramai pada masa mereka paling memerlukannya. Prinsip-prinsip ini telah membuktikan keberkesanannya berulang kali dalam krisis di sekitar dunia. Mereka membentuk keputusan operasi harian kami di lapangan, dan juga sebagai strategi jangka panjang kami. Mereka mempengaruhi cara kami menstruktur organisasi kami, bekerjasama dengan yang lain dan berkomunikasi tentang apa yang kami lakukan. Apabila dipraktikkan, mereka memupuk penerimaan untuk aktiviti kemanusiaan kami yang amat diperlukan di kalangan mereka yang sebaliknya mungkin enggan atau bermusuhan.

Prinsip-prinsip Asas ini adalah hasil daripada pengalaman kerja kemanusiaan lebih satu abad, dan telah diiktiraf dalam undang-undang kemanusiaan antarabangsa. Negara-negara yang menandatangani Konvensyen-konvensyen Geneva 1949, misalnya, telah bersetuju secara rasmi bahawa Persatuan-persatuan Kebangsaan "akan dapat meneruskan aktiviti mereka selaras dengan prinsip-prinsip Palang Merah." Protokol Tambahan kepada Konvensyen-konvensyen ini, yang ditandatangani pada tahun 1977, selanjutnya menghendaki negara-negara komited untuk membenarkan semua komponen Pergerakan – Persatuan-persatuan Kebangsaan, ICRC dan Persekutuan Antarabangsa – untuk melaksanakan aktiviti mereka selaras dengan Prinsip-prinsip ini, satu komitmen yang diulangi dalam Statut Pergerakan pada tahun 1986.

Mereka bukan hanya relevan kepada Pergerakan ini. Oleh kerana keberkesanannya prinsip-prinsip ini dari semasa ke semasa, banyak organisasi telah menerima pakai sebahagian daripadanya. Pada Disember 1991, Perhimpunan Agung Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu meluluskan resolusi 46/182 yang menyeru

agar semua bantuan kemanusiaan PBB “disediakan mengikut Prinsip-prinsip kemanusiaan, keberkecualian dan kesaksamaan.” Kemanusiaan, kesaksamaan dan kebebasan juga terkandung dalam Kod Tatakelakuan untuk Pergerakan Antarabangsa Palang Merah dan Bulan Sabit Merah dan Pertubuhan Bukan Kerajaan (NGO) dalam Bantuan Bencana, yang telah diterima pakai oleh lebih 500 NGO. Walaupun sesetengah organisasi mentafsir dan mengamalkan prinsip-prinsip ini secara berbeza, Prinsip-prinsip Asas ini telah menjadi inspirasi bukan sahaja untuk Pergerakan ini, tetapi untuk keseluruhan sektor kemanusiaan.

## PIRAMID PICTET



Salah seorang tokoh penting yang membantu membentuk Prinsip-prinsip Asas ialah Jean Pictet, di mana ulasannya pada tahun 1979 mengenai prinsip-prinsip ini masih digunakan. Pictet mencadangkan bahawa Prinsip-prinsip Asas boleh disusun dalam bentuk piramid. Kemanusiaan berada di atas, sebagai Prinsip yang menyeluruh dan penting, bersama-sama dengan kesaksamaan, yang juga mempengaruhi semua Prinsip lain.

# KELAHIRAN PRINSIP-PRINSIP

Pada musim sejuk tahun 1864, dua wakil Jawatankuasa Antarabangsa Untuk Bantuan Kepada Yang Cedera (kemudian ICRC), Charles Van de Velde dan Louis Appia, berangkat untuk temui bagaimana penjagaan perubatan disediakan di kedua-dua pihak dalam konflik antara tentera Denmark dan Austria-Prusia. Jawatankuasa ini baru ditubuhkan satu tahun sebelum ini oleh lima orang lelaki Switzerland, terutamanya ahli perniagaan Henry Dunant, yang sangat terkejut dengan apa yang dia telah melihat semasa Pertempuran Solferino di utara Itali pada tahun 1859 (lihat garis masa).


Medan perang tersebut menjadi medan ujian untuk satu idea baru – penjagaan perubatan berkecuali untuk semua pihak, yang disediakan oleh sukarelawan yang bekerja bersama pasukan tentera. Suhu beku bukan satu-satunya kesusahan yang mereka hadapi. Pihak berkuasa Denmark, akhbar dan pegawai tentera secara terbuka meragui misi "berkecuali" ini dalam konflik di mana mereka menentang satu pasukan tentera yang jauh lebih unggul.

## GARIS MASA PRINSIP-PRINSIP ASAS



**24 Jun 1859:** Tentera Perancis dan Piedmont-Sardinia melawan tentera Austria berhampiran perkampungan Solferino, di utara Itali. Ahli perniagaan Switzerland, Henry Dunant menyaksikan akibat kejadian berdarah itu dan membantu mengaturkan bantuan untuk tentera yang cedera di semua pihak. Dia kembali ke Geneva dengan keazaman untuk memperbaiki keadaan mereka yang tercedera di medan peperangan.

**1862:** Dunant menerbitkan bukunya, *A Memory of Solferino*, dan memulakan kempen intensif melobi untuk mendapatkan sokongan bagi ideanya mengenai penubuhan kumpulan sukarelawan di peringkat antarabangsa yang membantu askar cedera dalam peperangan.



ICRC/Arch

*Selepas Pertempuran Solferino Henry Dunant dan golongan wanita dari bandar Castiglione delle Stiviere berkumpul untuk menjaga mereka yang cedera.*



CRI/Arkib




Lambang palang merah pertama kali digunakan pada tahun 1864 dalam perperangan antara Denmark dan Pasukan Austria-Prusia: dua wakil dari yang kini dikenali ICRC memakai lilitan lengan palang merah ketika mereka memberikan rawatan perubatan kepada askar-askar yang cedera.

1863            1864            1865            1866            1867            1868            1869            1870

**17 Februari 1863:** Penubuhan Jawatankuasa Antarabangsa Untuk Bantuan Kepada Yang Cedera, merupakan pendahulu kepada ICRC dan Pergerakan Antarabangsa Palang Merah dan Bulan Sabit Merah. Persatuan Kebangsaan Palang Merah pertama telah ditubuhkan di Württemberg, kini sebahagian daripada Jerman.

**Ogos 1864:** Jawatankuasa yang baru diwujudkan mengemukakan Konvensyen Geneva yang pertama, yang ditandatangani oleh 16 negara. Secara rasmi dinamakan Konvensyen untuk Memperbaiki Keadaan Tentera Cedera di Medan Perang, di mana 10 artikel dalam dokumen tersebut meletakkan asas untuk tindakan kemanusiaan yang berkecuali dan saksama, serta menyeru pihak-pihak yang berperang untuk menghormati kakinangan perubatan. Konvensyen ini menyatakan bahawa “pejuang yang cedera atau sakit, tidak kira negara mana yang mereka mewakili, harus diambil dan dijaga”.





Persekutuan Ahlafabang sa

**Pergerakan Palang Merah dan Bulan Sabit Merah bermula di Eropah barat, tetapi ia cepat merebak ke seluruh dunia. Pada tahun 1876, sebagai contoh, Empayar Uthmaniyyah menerima pakai Bulan Sabit Merah dan hari ini, Persatuan-persatuan Kebangsaan Bulan Sabit Merah membantu orang yang memerlukan bantuan di sekitar dunia. (Gambar) Seorang kakitangan Bulan Sabit Merah Turkiye membawa makanan kepada mereka yang hilang tempat tinggal akibat konflik di Syria.**

Akhbar Denmark mengatakan bahawa Jawatankuasa sepatutnya mengutuk pencerobohan Austria-Prusia dan bukannya menawarkan bantuan kepada kedua-dua pihak.

Akhirnya, perwakilan dibenarkan untuk mengaturkan rawatan untuk tentera di kedua-dua pihak. Walaupun skala operasi bantuan adalah kecil berbanding dengan bilangan yang cedera dan mati, namun ia membuktikan bahawa bantuan boleh diberikan tanpa diskriminasi walaupun dalam peperangan. Ini tidak pernah berlaku sebelum ini. Tetapi usaha perwakilan dihadkan oleh kurangnya pemahaman pada kedua-dua pihak berperang. "Sudah tentu

**1875**



**1875:** Pengasas pergerakan Gustave Moynier menyatakan tentang empat prinsip kerja asas yang perlu diikuti oleh semua Persatuan dalam Pergerakan ini: berpandangan jauh, solidariti, sentralisasi dan kebersamaan (lihat cerita untuk teks penuh).

**1921:** Selepas Perang Dunia Pertama, satu set pertama Prinsip-prinsip Asas – kesaksamaan, kebebasan dari politik, agama dan ekonomi, kesejagatian Pergerakan dan kesamarataan ahli-ahlinya – dimasukkan ke dalam statut ICRC.

**1939-1945:** Perang Dunia Kedua Konflik yang benar-benar global ini memerlukan bantuan kemanusiaan dalam skala yang tidak pernah berlaku sebelum ini. Peperangan ini menyebabkan kematian orang awam yang tertinggi dan menimbulkan ancaman terbesar kepada prinsip-prinsip kemanusiaan. Terdapat genosid yang dilakukan oleh Nazi Jerman, penderaan tawan di kem tawan perang di Eropah dan Pasifik, pengeboman udara besar-besaran dan penggunaan pertama senjata nuklear.

ini menunjukkan," Van de Velde kemudiannya menyuarakan sokongan terhadap peraturan-peraturan baru dalam tulisannya, "mengapa resolusi mengenai keberkecualian sukarelawan yang memberikan bantuan mesti dikuatkuasakan."

## Membina asas

Kemudian pada tahun 1864, Jawatankuasa mengadakan persidangan untuk wakil-wakil dari 16 negara yang menandatangani Konvensyen Geneva yang pertama untuk Memperbaiki Keadaan Tentera Cedera di Medan Perang. Konvensyen tersebut menyeru semua penandatangan Negara untuk menghormati keberkecualian kakitangan perubatan yang membantu askar yang cedera.

Dokumen ini melahirkan konvensyen-konvensyen lain yang kemudiannya membentuk Konvensyen-konvensyen Geneva 1949 dan Protokol Tambahan 1977 dan 2005. Ia juga membina asas untuk satu set prinsip-prinsip yang akan membimbing Pergerakan - yang kini mempunyai Persatuan-persatuan Kebangsaan di lebih 189 negara (setakat 2015) – selama lebih 150 tahun.

Pada fasa awal kewujudan Pergerakan, konsensus mengenai prinsip-prinsip ini dikekalkan melalui usaha bersama. Terdapat beberapa usaha untuk membina prinsip-prinsip ini atau menyatakan nilai-nilai kemanusiaan tertentu dalam perjanjian bertulis.



Arkib [CRC]

**1946:** Selepas Perang Dunia Kedua, Liga Persatuan-persatuan Palang Merah (kini Persekutuan Antarabangsa Persatuan-persatuan Palang Merah dan Bulan Sabit Merah) mengesahkan bahawa prinsip-prinsip tahun 1921 terpakai bagi Persatuan-persatuan Kebangsaan di seluruh dunia.

**1949:** Pengalaman Perang Dunia Kedua membawa kepada Konvensyen-konvensyen Geneva tahun 1949. Konvensyen-konvensyen terdahulu hanya melindungi askar yang cedera dan tawanan perang, manakala konvensyen-konvensyen ini buat pertama kalinya menetapkan perlindungan khusus untuk orang awam dalam konflik antarabangsa.

Walau bagaimanapun, pada tahun 1875, pengasas Pergerakan Gustave Moynier menyatakan tentang empat prinsip kerja asas yang mesti dipatuhi oleh Persatuan-persatuan Kebangsaan dalam Pergerakan: "berpandangan jauh, yang bermaksud bahawa persediaan perlu dibuat lebih awal, dalam masa aman, untuk memberi bantuan sekiranya peperangan tercetus; solidariti, di mana Persatuan-persatuan berusaha untuk menjalinkan ikatan bersama dan saling membantu; sentralisasi, yang bermaksud bahawa terdapat hanya satu Persatuan di setiap negara, tetapi aktivitinya meliputi seluruh negara; dan kebersamaan, dalam erti kata bahawa penjagaan diberikan kepada semua orang yang cedera dan sakit tanpa mengira kewarganegaraan mereka."


## Bukan sekadar idea abstrak

Penekanan prinsip-prinsip ini di peringkat awal Pergerakan menunjukkan bahawa mereka bertujuan bukan sebagai ideal yang abstrak atau konsep yang setinggi langit tetapi sebaliknya sebagai langkah praktikal untuk mendapatkan penghormatan dan kepercayaan orang ramai semasa peperangan - iaitu pada masa yang sememangnya paling mencurigai bagi orang ramai dan komuniti berpecah belah. Walaupun Pergerakan berkembang dan berubah dengan pantas dalam dekad-dekad berikutnya, ia tidak mengodifikasi atau meratifikasi prinsip-prinsip ini sehingga 1921, apabila satu set prinsip-prinsip pertama (lihat garis masa) telah dimasukkan secara bertulis dan rasmi ke dalam Statut ICRC yang disemak semula.

Selepas Perang Dunia Kedua, Liga Persatuan-persatuan Palang Merah (kini Persekutuan Antarabangsa Persatuan-persatuan Palang Merah dan Bulan Sabit Merah) menegaskan bahawa prinsip-prinsip tahun 1921 terpakai bagi Persatuan-persatuan Kebangsaan di seluruh dunia. Tetapi hanya di 1950-an prinsip-prinsip Pergerakan ini dianalisis secara sistematis dengan tujuan untuk menghasilkan satu teks yang jelas dan diterima pakai secara universal. Ia bermula pada tahun 1955 selepas Jean Pictet, bekas naib presiden

1950 1951 1952 1953 1954 1955 1956 1957

**1955:** Jean Pictet, seorang pengarang dan arkitek utama dalam kerja ICRC untuk Konvensyen-konvensyen Geneva 1949, mempertimbangkan apakah nilai dan prinsip yang mentakrifkan Pergerakan. Berikut penerbitan bukunya Prinsip-prinsip Palang Merah pada tahun 1955, ICRC dan Persekutuan Antarabangsa menuahkan suruhanjaya bersama dengan tujuan merangka satu set prinsip-prinsip operasi yang jelas.



Arkit ICRC



C. Hyest/Perserikutan Antarabangsa/  
Palang Merah Belgium

Hari ini, ahli komponen Pergerakan menjalankan pelbagai aktiviti, dari membantu komuniti ke menyediakan bantuan kecemasan. (Gambar) Sukarelawan Palang Merah Greece membantu migran selamat sampai ke pantai, di mana mereka diberi pertolongan cemas, selimut, makanan dan sebagainya.

ICRC dan seorang peguam yang telah membantu merangka Konvensyen-konvensyen Geneva, telah menulis sebuah buku mengenai prinsip-prinsip ini. ICRC dan Persekutuan Antarabangsa kemudian menubuhkan suruhanjaya bersama untuk mengemukakan satu set prinsip panduan yang akan mengikat dan menyatukan Pergerakan. Tujuh Prinsip Asas seperti yang kita tahu hari ini telah diterima pakai sebulat suara di Persidangan Antarabangsa Palang Merah ke-20 di Vienna, Austria pada tahun 1965.

Sejak itu, Prinsip-prinsip Asas kerap diuji dalam pelbagai jenis konflik dan bencana di setiap pelusuk dunia. Lebih daripada 50 tahun selepas mereka diterima pakai, mereka kekal efektif untuk memastikan komuniti terjejas dapat menerima bantuan dan perlindungan yang diperlukan.



**1965:** Pergerakan mengadakan Persidangan Antarabangsa ke-20 di Vienna, Austria, dan menerima pakai deklarasi yang menetapkan tujuh prinsip: Kemanusiaan, Kesaksamaan, Keberkecualian, Kebebasan, Khidmat Sukarela, Bersatu dan Kesejagatann.

**1965-kini:** Prinsip-prinsip Asas diguna pakai dalam pelbagai konflik dan bencana alam, dari pasca perang kemerdekaan dari penjajah, ke perang proksi antara kuasa besar dalam Perang Dingin, dan perang saudara di seluruh pelusuk dunia.



## REALITI PEPERANGAN DAN KRISIS

Untuk memahami mengapa Prinsip-prinsip ini sangat penting untuk operasi bantuan dalam masa peperangan dan bencana besar, adalah berguna untuk memahami persekitaran di mana tindakan kemanusiaan dijalankan. Dalam konflik, gangguan emosi pada tahap yang sangat tinggi: perasaan marah atau benci yang kuat terhadap musuh boleh jadi berleluasa. Dalam banyak kes, pejuang melihat semua orang sama ada "dengan kami" atau "menentang kami." Sesiapa yang menawarkan bantuan untuk kedua-dua pihak dipandang dengan syak wasangka atau perasaan permusuhan.

Berikutnya bencana alam atau kecemasan kesihatan, komuniti yang terjejas mungkin tidak mempercayai sepenuh pekerja kemanusiaan yang cuba membantu kerana kebanyakannya ialah orang asing yang bukan dari komuniti tersebut. Semasa krisis Ebola di Afrika Barat pada 2014-2015, contohnya, sukarelawan Persatuan Kebangsaan terpaksa bekerja keras untuk mendapatkan dan mengekalkan kepercayaan komuniti yang terjejas oleh wabak tersebut. Ramai orang tidak percaya apabila pekerja kesihatan dari luar memberitahu mereka tentang penyakit itu. Mujurnya, di negara seperti Liberia dan Sierra Leone, sukarelawan Palang Merah telah membina

**Sukarelawan Palang Merah Sierra Leone berkongsi tentang bahaya Ebola selepas berlakunya wabak. Usaha membina kepercayaan adalah penting dalam melaksanakan tugas sensitif yang diperlukan untuk membendung penyebaran penyakit tersebut.**

reputasi untuk kerja kemanusiaan mereka yang berkecuali dan bebas dalam krisis sebelum ini. Oleh itu, mereka diberi kepercayaan untuk melakukan tugas yang sukar dan sensitif, seperti pengebumian mangsa Ebola dengan cara yang selamat dan bermaruah.

Dalam kes-kes sedemikian, satu set prinsip yang jelas dan boleh dilihat adalah penting untuk membina kepercayaan, memupuk penerimaan dan memastikan akses kepada mereka yang memerlukannya.

### **Peraturan Perang**

Undang-undang Kemanusiaan Antarabangsa tidak menjamin agensi kemanusiaan akses tanpa batasan ke zon perang; sebaliknya, akses menghendaki rundingan antara pihak berkonflik dan agensi kemanusiaan. Pihak yang berperang mempunyai tanggungjawab utama untuk memastikan keperluan asas bagi orang di bawah kawalan mereka dipenuhi. Tetapi jika mereka tidak mahu atau tidak dapat berbuat demikian, mereka dikehendaki oleh undang-undang untuk membenarkan dan memudahkan usaha bantuan yang bersifat kemanusiaan dan saksama.

**Konflik boleh memberi kesan berpanjangan kepada orang ramai dan institusi-institusi yang melindungi dan menjaga mereka. (Gambar) Seorang budak lelaki dari Kota Gaza berdiri di tengah-tengah runtuhannya bangunan kerajaan.**





Dalam konflik hari ini, pekerja kemanusiaan selalu bekerja di kalangan pelbagai pembawa senjata, dari angkatan tentera yang besar ke kumpulan bersenjata yang kecil. Oleh itu, ICRC kerap menerangkan kepada kumpulan pembawa senjata tentang pendekatannya yang saksama, berkecuali dan bebas untuk membantu orang yang memerlukan.

## CABARAN BARU

Mengamalkan nilai-nilai kemanusiaan tidak selalu mudah. Sejak permulaannya, Prinsip-prinsip Asas ini berulang kali dicabar. Mereka telah diuji dalam pelbagai konflik, termasuk dua Perang Dunia, Perang Dingin dan satu siri perang proksi antara kuasa besar, serta dalam bencana alam dan bencana buatan manusia yang semakin meningkat.

Sejak akhir abad ke-20, semakin banyak konflik tercetus di dalam negara dan bukannya merentasi sempadan. Ini biasanya ialah perjuangan antara angkatan tentera negara dan kumpulan pembangkang, atau antara pelbagai kumpulan saingan.

Terdapat juga peningkatan dalam konflik yang didorong oleh identiti atau antara kaum, yang sering mengakibatkan keganasan berleluasa dan jumlah pelarian yang tinggi. Kumpulan yang terlibat dalam keganasan selalunya ialah kumpulan yang kurang berstruktur berbanding dengan angkatan tentera atau kumpulan bersenjata tersusun.

Trend ini telah menjadikan usaha kami untuk membina kepercayaan, menjelaskan dan menegakkan Prinsip-prinsip Asas lebih mencabar. Semasa konflik di Republik Demokratik Congo, sebagai contoh, ICRC telah berinteraksi dengan sebanyak 40 kumpulan bersenjata yang berbeza. Dalam situasi sedemikian, menjalankan hubungan yang dapat membawa hasil memerlukan masa. Ia dilakukan sedikit demi sedikit setiap hari, dengan menunjukkan perbuatan kami sepadan dengan apa yang kami katakan.

## **Impak kemanusiaan yang serius**

Abad ke-21 ini amat sukar dan mencabar bagi agensi-agensi kemanusiaan. Selepas serangan 11 September 2001, perjuangan global antara Negara-negara dan pelaku bersenjata bukan negara ("perang melawan keganasan") mengubah secara mendadak cara peperangan dilancarkan dan tindakan kemanusiaan yang boleh dilaksanakan – selalunya dengan impak yang serius kepada orang awam.

Dengan latar belakang ini, satu bentuk polarisasi atau radikal化 ideologi baru telah terbentuk. Apabila negara-negara mengambil tindakan keras terhadap apa yang mereka anggap sebagai kumpulan pengganas, mereka kadangkala mengambil langkah-langkah yang telah melangkaui amalan yang boleh diterima di bawah undang-undang kemanusiaan antarabangsa dan undang-undang hak asasi manusia. Sementara itu, entiti radikal bukan negara yang menentang mereka telah menggunakan kaedah peperangan bukan konvensional, termasuk serangan yang disengajakan terhadap orang awam dan apa yang dipanggil sasaran lembut, seperti organisasi kemanusiaan.

Dalam persekitaran yang semakin berpolarisasi ini, di mana orang dilihat sama ada kawan atau lawan, jangkaan makin meningkat bahawa semua orang akan mengambil pihak. Ini menyukarkan organisasi-organisasi yang bekerja berdasarkan Prinsip kebebasan dan keberkecualian.

Satu lagi cabaran utama kepada tindakan kemanusiaan ialah kecenderungan di antara Negara-negara sejak 1980-an untuk mewajarkan operasi ketenteraan mereka dengan alasan atas sebab kemanusiaan dan juga menggunakan usaha kemanusiaan sebagai sebahagian daripada strategi ketenteraan dan politik (iaitu "untuk memenangi hati dan fikiran").

Malangnya, bantuan telah menjadi sebahagian daripada strategi menentang insurgensi, apabila terdapat kerajaan-kerajaan yang berusaha untuk mengintegrasikan tindakan kemanusiaan ke dalam kempen ketenteraan, pembinaan negara dan usaha untuk menstabilkan negara yang rapuh. Pada masa yang sama, terdapat kumpulan bersenjata yang akan menggunakan bantuan sebagai cara untuk mendapatkan sokongan di kalangan penduduk tempatan.

Ini bukan bermaksud bahawa pihak yang berperang tidak seharusnya berusaha untuk melindungi atau membantu orang ramai yang tinggal di kawasan di bawah kawalan mereka. Sebaliknya, angkatan tentera mempunyai kewajipan undang-undang untuk berbuat demikian semasa pertempuran, termasuk pemindahan orang awam yang cedera. Tetapi masalah timbul apabila tindakan kemanusiaan digunakan secara meluas untuk memenangi hati dan fikiran kerana ia akan menyebabkan mereka yang terlibat dalam pertempuran dan komuniti yang terjejas mengaitkan semua pekerja kemanusiaan dengan agenda politik atau ketenteraan. Apabila tindakan kemanusiaan menjadi sebahagian daripada strategi untuk mengalahkan musuh, risiko yang dihadapi oleh agensi-agensi bantuan di lapangan meningkat dengan ketara.

# **KEBERKECUALIAN DI DUNIA YANG TERPOLARISASI**

Walaupun pengalaman kami menunjukkan bahawa keberkecualian adalah titik permulaan yang penting, idea tersebut telah dicabar dalam beberapa tahun kebelakangan ini. Berikutkan serangan 11 September 2001 di Amerika Syarikat, banyak organisasi kemanusiaan yang bekerja di Afghanistan telah menolak Prinsip kesaksamaan, keberkecualian dan kebebasan kerana mereka memihak kepada bantuan yang terang-terang menyokong usaha antarabangsa yang membina semula institusi demokrasi.

Dalam banyak kes, organisasi kemanusiaan mengambil peranan sebagai aktor-aktor dalam persengketaan antara pihak "baik" dan "jahat", menurut Fiona Terry dalam artikel 2011 beliau untuk Jurnal Antarabangsa Palang Merah (*International Review of the Red Cross*).

Satu falsafah baru sedang berkembang di kalangan banyak organisasi kemanusiaan di mana bantuan kepada orang di kawasan yang dikawal oleh kumpulan penganas, dan sebarang dialog dengan kumpulan-kumpulan ini, dilihat sebagai bantuan kepada pihak musuh. "Pendekatan berkecuali dianggap 'mustahil', 'gaya lama' dan juga boleh dipertikaikan dari segi moral dalam konflik-konflik baru ini, dan pendekatan politik - ketenteraan - 'kemanusiaan' bersepada untuk pembinaan negara telah diterima sebagai cara untuk masa depan," tulis Terry.

Mengaburkan lagi garisan, anggota tentera kadangkala menggunakan aktiviti kemanusiaan untuk menyembunyi operasi ketenteraannya, memakai pakaian orang awam dan memandu kereta putih untuk menyamar diri mereka sebagai pekerja kemanusiaan. Dalam kes lain, risalah dijatuhkan di selatan Afghanistan untuk memberitahu penduduk bahawa mereka harus memberi maklumat tentang kumpulan bersenjata jika mereka mahu terus menerima bantuan "kemanusiaan".

Ini menyebabkan sebahagian besar kawasan Afghanistan menolak dengan tegas bantuan kemanusiaan dari pihak luar. Menurut Terry, akibatnya ialah "ketika keperluan kemanusiaan [adalah] terbesar, organisasi bantuan [mempunyai] kapasiti paling sedikit untuk bertindak balas."

Melalui dialog dan kerap menunjukkan keberkecualianya, ICRC dapat membina semula kepercayaan secara beransur-ansur dan berkembang ke kawasan yang sebelum ini telah terputus daripada pekerja kemanusiaan. Begitu juga, Bulan Sabit Merah Afghanistan dapat terus melaksanakan pelbagai aktiviti penjagaan kesihatan – dari kempen vaksinasi polio ke klinik kesihatan mudah alih – di kebanyakan kawasan negaranya kerana reputasi keberkecualian dan kesaksamaan di kalangan pelbagai kumpulan bersenjata.

## **Sektor kemanusiaan yang semakin berkembang**

Bilangan organisasi yang memberi bantuan kemanusiaan telah meningkat dengan mendadak sejak beberapa tahun kebelakangan ini. Pengembangan ini membawa banyak kesan positif. Di beberapa kawasan, ia bermakna terdapat kepelbagaiannya dan juga lebih ramai orang yang memerlukan bantuan dapat dibantu.

Tetapi agensi-agensi yang semakin banyak ini menafsir dan mengaplikasikan prinsip-prinsip kemanusiaan dalam cara yang sangat berbeza dan tidak sekata. Ini menyebabkan kekeliruan tentang apa itu kemanusiaan. Trend ini telah menyebabkan penolakan sepenuhnya bantuan kemanusiaan di beberapa kawasan, yang seterusnya memburukkan lagi penderitaan mereka yang terjejas.

Sesetengah organisasi, misalnya, beroperasi bukan atas dasar kesaksamaan tetapi solidariti dengan satu kumpulan politik, agama atau etnik tertentu. Walaupun ini bukan sesuatu yang baru, ia telah menjadi semakin biasa apabila lebih banyak agensi bantuan diwujudkan dengan tujuan yang sangat khusus.

Kesedaran tentang prinsip-prinsip ini yang menjadi asas kerja kemanusiaan tersebar setelah Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu dan sebilangan besar organisasi menerima pakai prinsip-prinsip kemanusiaan yang diilhamkan oleh Prinsip-prinsip Asas. Tetapi ia juga mengelirukan lagi maksud prinsip-prinsip ini dan bagaimana mereka diaplikasikan.

Di sesetengah kawasan, Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu (PBB) adalah, atau dipersepsikan sebagai, pihak kepada konflik tertentu kerana pasukan pengaman PBB dihantar, resolusi Majlis Keselamatan PBB telah membenarkan penggunaan kekerasan oleh satu atau lebih Negara anggota atau kerana PBB bekerjasama dengan kerajaan-kerajaan yang berhadapan dengan kumpulan pembangkang bersenjata. Dalam situasi sedemikian, keberkecualian dan kebebasan agensi kemanusiaan PBB sering dipersoalkan, dan bagaimana PBB dilihat dalam sesuatu konflik boleh memberi kesan kepada organisasi kemanusiaan yang lain.



J. Fontana/CRC

**Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu adalah pembekal utama bantuan kemanusiaan, tetapi ia kadangkala mempunyai matlamat politik tertentu dalam situasi konflik. Oleh sebab itu, Pergerakan Palang Merah dan Bulan Sabit Merah, walaupun bekerjasama dengan PBB, harus pastikan jarak yang tertentu dari operasi PBB. (Gambar) Latihan eksesias untuk pasukan pengaman PBB.**



Selepas gempa bumi melanda Nepal pada 2015, sukarelawan dan kakitangan Persatuan Kebangsaan bersedia untuk memberi bantuan kecemasan dengan segera di kawasan terpencil, menekankan kepentingan Prinsip khidmat sukarela dan bersatu. Sementara itu, rasa solidariti terserlah dalam Prinsip kesejagatian memberi inspirasi kepada Pergerakan global ini untuk bertindak.

### **Mengamalkan prinsip-prinsip dalam tindakan kemanusiaan**

Trend ini menjadikannya lebih kritikal bahawa Pergerakan ini bukan sahaja menegaskan tetapi juga mendemonstrasikan apa itu tindakan kemanusiaan yang berkecuali, saksama dan bebas dan apa yang boleh dicapai.

Walaupun dalam keadaan yang sangat terpolarisasi, ICRC dan Persatuan-persatuan Kebangsaan merupakan antara segelintir - dan dalam beberapa situasi, satu-satunya - organisasi kemanusiaan yang dapat membantu orang yang terperangkap di kedua-dua belah barisan hadapan.

Malah di negara-negara yang tidak berperang, Prinsip-prinsip ini membantu Persatuan-persatuan Kebangsaan memberikan bantuan dan sokongan kepada golongan yang paling terdedah, selalunya dalam keadaan mencabar. Apabila terdapatnya tahap keganasan terancang yang tinggi - contohnya, yang melibatkan kumpulan-kumpulan bersenjata di bandar - pekerja kemanusiaan dan perubatan yang mematuhi Prinsip-prinsip Asas ini boleh mendapat kepercayaan daripada semua yang terlibat dalam atau terjejas oleh keganasan. Palang Merah Mexico adalah satu contoh sedemikian. Ia dapat memberikan pelbagai perkhidmatan di kawasan yang terjejas oleh kadar keganasan yang tinggi, sebahagiannya disebabkan oleh reputasi yang saksama dan bebas. Ini tidak berlaku secara kebetulan: menurut penyelidikan yang dijalankan untuk Kerangka Untuk Akses yang Lebih Selamat, *Safer Access Framework* (lihat kotak di bawah), Palang Merah Mexico berusaha keras untuk menunjukkan bagaimana Prinsip-prinsip ini diamalkan dalam perkhidmatan ambulans dan tindak balas kecemasannya.

# SEBARKANNYA

Komunikasi awam mengenai Prinsip-prinsip Asas ini sering ditonjolkan dalam aktiviti-aktiviti Pergerakan. Contohnya, satu operasi pengedaran makanan di kem pelarian biasanya akan bermula dengan penerangan ringkas tentang Prinsip-prinsip ini supaya orang faham bahawa pengedaran makanan ini ditujukan untuk mereka yang dalam situasi paling teruk dan makanan akan diberikan kepada mereka yang paling memerlukan.

Dalam kedu-a masa peperangan dan aman, ICRC dan Persatuan-persatuan Kebangsaan menjalankan sesi penerangan untuk kumpulan bersenjata dan angkatan tentera tentang kepentingan undang-undang kemanusiaan antarabangsa dan Prinsip-prinsip Asas.

Pergerakan ini juga sering terlibat dalam latihan, perbincangan dan analisis mengenai subjek Prinsip-prinsip Asas dan bagaimana mereka diamalkan di lapangan. Pekerja-pekerja pergerakan mesti mengikut tatakelakuan yang ketat berdasarkan prinsip-prinsip ini.

Dengan sokongan daripada banyak Persatuan Kebangsaan, ICRC telah membangunkan Kerangka Untuk Akses yang Lebih Selamat, yang menggunakan pengalaman Pergerakan yang luas dan amalan yang baik untuk membantu Persatuan-persatuan Kebangsaan menghadapi cabaran beroperasi di situasi sensitif dan bahaya sambil meminimumkan risiko dan mendapat kepercayaan daripada pihak yang mengawal akses kepada orang yang memerlukan bantuan.

Persekutuan Antarabangsa dan Persatuan-persatuan Kebangsaan juga telah menghasilkan beberapa alat yang bertujuan untuk membantu Persatuan-persatuan Kebangsaan dan para sukarelawan yang bekerja di persekitaran stres tinggi supaya meningkatkan keupayaan mereka untuk berkelakuan secara beretika, belas kasihan dan selaras dengan Prinsip-prinsip ini.



**Sukarelawan Palang Merah dan Bulan Sabit Merah terlibat dalam latihan untuk ABC (*Agents of Behavioural Change* - Agen Perubahan Tingkah Laku), satu inisiatif daripada Persekutuan Antarabangsa dan Persatuan-persatuan Kebangsaan yang membantu orang mengembangkan kemahiran dan kualiti - empati, pemikiran kritis, keupayaan untuk mengetepikan bias, dan komunikasi tanpa kekerasan - yang diperlukan untuk mengamalkan Prinsip-prinsip Asas dalam tindakan kemanusiaan.**

## KEMANUSIAAN

Pergerakan Antarabangsa Palang Merah dan Bulan Sabit Merah, yang dilahirkan dengan keinginan untuk membawa bantuan tanpa diskriminasi kepada yang cedera di medan perang, berusaha dalam kapasitinya di peringkat antarabangsa dan kebangsaan, untuk mencegah dan mengurangkan penderitaan manusia di mana sahaja ia boleh ditemui. Tujuannya adalah untuk melindungi nyawa dan kesihatan dan untuk memastikan penghormatan terhadap manusia. Ia menggalakkan persefahaman, persahabatan, kerjasama dan keamanan berkekalan di antara semua bangsa.





**Prinsip kemanusiaan mengilhami bukan sahaja tindakan konkret, seperti penjagaan perubatan kecemasan yang menyelamatkan nyawa, tetapi juga tindakan kecil seperti belas kasihan, yang ditunjukkan oleh responden pertama Palang Merah Perancis ini.**

## KEMANUSIAAN

Prinsip menyeluruh yang memotivasi kerja Pergerakan ini ialah kemanusiaan, satu dorongan semula jadi untuk membantu sesama manusia yang wujud dalam semua budaya.

Prinsip ini adalah artikulasi nilai kemanusiaan bersama: belas kasihan empati, tolong-menolong, keinginan untuk membantu orang lain supaya meringankan penderitaan mereka dan melindungi mereka daripada bahaya selanjutnya. Tanggapan ini membentuk asas badan undang-undang, etika dan adat dalam hampir semua budaya.

Prinsip ini berbeza sekali dengan keadaan tidak berperikemanusiaan yang sering disaksikan di dunia apabila kebaikan belas kasihan, simpati dan rasa kasih sayang ditumbangkan oleh kemarahan, kebencian, ketamakan, dendam dan dahagakan kuasa.

## **Seruan untuk bertindak**

Kenyataan tentang Prinsip kemanusiaan – untuk mencegah, mengurangkan, melindungi, memastikan rasa hormat – adalah seruan untuk bertindak.

Di sekitar dunia, Prinsip ini memberi inspirasi kepada sukarelawan untuk mempelajari pertolongan cemas, menyertai briged kecemasan, mendidik orang ramai tentang penyakit maut, menderma darah atau melawat orang tua. Ia mendorong doktor-doktor untuk mengorbankan masa dan mempertaruhkan nyawa mereka sendiri untuk merawat orang di lokasi yang mencabar dan berbahaya. Ia menggerakkan orang untuk menyumbang masa dan wang mereka untuk membantu orang yang tidak dikenali di tempat jauh.

Banyak konsep asas penting dalam Prinsip kemanusiaan termaktub dalam undang-undang antarabangsa, terutamanya sebagai cara untuk melindungi orang daripada penderaan. Sesungguhnya, peraturan perang yang hampir semua negara telah bersetuju untuk menghormati, terkandung dalam Konvensyen Geneva 1949 dan Protokol Tambahannya.

Dalam era ini apabila imej yang menunjukkan keganasan dan kekejaman tersebar berleluasa, adalah sangat mudah untuk menjadi pesimis tentang perlindungan sedemikian - atau bahkan Prinsip kemanusiaan itu sendiri. Namun terdapat banyak contoh di mana undang-undang kemanusiaan antarabangsa dan Prinsip-prinsip Asas telah membolehkan orang yang berani dan berbelas kasihan untuk membantu, melindungi dan menyelamatkan nyawa orang yang terjejas.



**Di Republik Demokratik Congo, seorang lelaki bertemu semula anak saudaranya yang berumur sembilan tahun selepas gadis itu terpisah dengan keluarganya oleh konflik di sana.**

J. Torgovnik/ICRC

## Berada dekat dengan mereka yang memerlukan

Bantuan kemanusiaan yang paling penting ialah tindakan kecil antara dua makhluk manusia. Walaupun interaksi antara pekerja kemanusiaan dan orang yang mereka membantu mungkin berlaku dengan pantas dan berulang-ulang, mereka tidak boleh mengabaikan maruah orang yang dibantu; mereka mesti mendengar, merasa empati dan memahami. Itulah sebabnya sukarelawan dan kakitangan Pergerakan mendekati orang yang mereka cuba membantu. Bercakap dengan orang, berjabat tangan, mendengarkan kisah mereka: ini bukan sahaja cara terbaik kita boleh membantu orang yang terjejas oleh konflik bersenjata, ia juga menunjukkan bagaimana kita menghormati maruah orang ketika mereka berada di tahap paling rendah.

Walau bagaimanapun, ini bukan untuk mengatakan bahawa organisasi kemanusiaan harus menolak teknologi dan alatan baru yang membolehkan mereka berkomunikasi dari jarak jauh. Rangkaian telefon mudah alih, media sosial dan internet semuanya menawarkan cara baru yang penting kepada pekerja kemanusiaan untuk bertindak balas terhadap cabaran bencana alam dan konflik. Sebagai contoh, hebaran di media sosial daripada telefon mudah alih telah membantu mengenal pasti di mana keperluan paling besar dan menyelamatkan nyawa. Di sesetengah tempat, ini bermakna tindakan kekejaman boleh dilaporkan dan disiasat.

Tetapi ketersediaan teknologi yang semakin meningkat boleh menimbulkan keimbangan. Adakah ia akan menjadi satu ancaman apabila agensi kemanusiaan terlalu bergantung pada komunikasi digital dan automasi? Adakah akses kepada teknologi akan menyebabkan sesetengah orang berpendapat bahawa pekerja kemanusiaan tidak lagi memerlukan akses terus kepada orang yang mereka cuba membantu? Ini adalah soalan yang patut dipertimbangkan berkaitan dengan Prinsip-prinsip ini semasa teknologi berkembang.

Sukarelawan Bulan Sabit Merah Palestin dan ICRC menolong seorang lelaki tua pergi ke hospital.





J.Cornejo/ICRC

**Kakitangan ICRC bercakap dengan tahanan wanita di penjara pusat di Marcala, Honduras**

## **Perlindungan**

Berada dekat dengan orang yang memerlukan bantuan adalah syarat yang perlu untuk satu lagi idea terwujud dalam Prinsip kemanusiaan: perlindungan. Akibat konflik bersenjata, keganasan yang berleluasa dan bencana alam, orang ramai boleh menjadi sangat terdedah. Mereka mungkin terpaksa meninggalkan rumah dan tinggal di kem sementara di mana hubungan komuniti yang biasa - polis, jiran, keluarga - telah terputus. Dalam situasi sedemikian, Pergerakan ini mengambil tindakan untuk menjadikan keadaan hidup mereka lebih selamat.

Pada masa aman, perlindungan nyawa dan kesihatan mungkin melibatkan pencegahan penyakit, bencana dan kemalangan atau mengurangkan kesan kemiskinan berlanjutan atau jenayah. Sebagai contoh, seorang ahli pertolongan cemas Persatuan Kebangsaan akan merawat orang yang cedera atau luka atau membantu mencegah penyakit dengan membawa maklumat yang penting mengenai kebersihan.

Organisasi kemanusiaan tidak boleh dan tidak patut cuba melakukan tugas polis atau tentera yang mempunyai kewajiban dalam perang untuk melindungi penduduk awam. Dalam konflik bersenjata, ICRC mempunyai mandat untuk berusaha mencegah pelanggaran undang-undang kemanusiaan antarabangsa. Ia melakukan ini dengan meningkatkan kesedaran tentang kewajipan Negara dan kumpulan bersenjata untuk memelihara keselamatan, fizikal integriti dan maruah individu, dan menyediakan latihan mengenai undang-undang kemanusiaan. ICRC dan Persatuan-persatuan Kebangsaan berusaha untuk menggalakkan kerajaan melaksanakan undang-undang domestik baru yang menguatkuasakan piawaian kemanusiaan antarabangsa dan membolehkan pekerja kemanusiaan membantu dan melindungi golongan yang terdedah. Selain itu, ICRC juga memainkan peranan khas dalam memastikan orang yang telah ditahan dalam konflik bersenjata dilayan seujar dengan undang-undang kemanusiaan.

### **Pencegahan dan pengurangan penderitaan**

Perlindungan berjalan seiring dengan pencegahan dan pengurangan penderitaan. Dalam konflik atau bencana alam, orang ramai sering kehilangan barang yang paling penting untuk kesejahteraan dan rasa maruah mereka: tempat tinggal, air bersih, makanan, mata pencarian. Bagi ramai, kehilangan yang paling besar ialah kehilangan orang yang tersayang.

Itulah sebabnya Pergerakan ini menyediakan makanan, air dan tempat tinggal; membantu orang supaya mereka dapat berdikari dari segi ekonomi dan mencari rezeki baru; berusaha untuk menambah baik penyediaan penjagaan kesihatan (termasuk pembedahan perang dan rawatan perubatan untuk tahanan); dan membantu individu mencari orang tersayang yang hilang, atau sekurang-kurangnya dapat mengetahui apa yang berlaku kepada mereka.

Walau bagaimanapun, dalam konflik berlarutan dan krisis kitaran hari ini, adalah penting bukan hanya untuk memenuhi keperluan segera, tetapi untuk memikirkan apa yang akan datang seterusnya. Bagaimana tindakan yang kita ambil hari ini akan membawa kepada satu masa depan yang lebih baik untuk mereka yang kita bantu? Adakah kita membantu dalam menyediakan asas untuk pemulihan penuh individu dan komuniti supaya mereka berupaya untuk berdikari semula, atau kita menyebabkan mereka bergantung kepada bantuan dan lebih terdedah kepada krisis seterusnya?

**Seorang budak lelaki menanam pokok dengan bantuan daripada seorang Sukarelawan Palang Merah Ethiopia dalam satu program yang bertujuan memupuk semangat kesukarelawan dan mengurangkan kesan perubahan iklim.**





B.-H. Mohamed/Persatuan Antarabangsa

Selepas satu kemarau, Persatuan Bulan Sabit Merah Mauritania dan Persekutuan Antarabangsa bukan sekadar memberi bantuan makanan kecemasan. Mereka turut membantu komuniti Mauritania untuk bersedia menghadapi isu kekurangan makanan dengan menyediakan alat pertanian dan benih tahan kemarau serta membantu kaum wanita untuk menubuhkan koperasi yang menjual hasil pertanian.

## Membina daya tahan sara diri dan resilien

Ini adalah soalan-soalan kritis untuk pekerja kemanusiaan hari ini. Atas sebab ini, Pergerakan berusaha untuk membantu orang menjalani kehidupan yang sihat, normal, produktif dan berdikari. Satu idea utama dalam Prinsip kemanusiaan adalah "untuk memastikan penghormatan terhadap manusia." Ini bermaksud memberikan bantuan dalam cara yang tidak akan melemahkan daya individu serta menghormati maruah manusia mereka. Ini juga bermakna menjadikan individu lebih kuat, lebih selamat dan mempunyai daya tahan lebih tinggi terhadap sebarang kejutan masa depan (*future shock*).

Selama bertahun-tahun, Pergerakan ini telah membangunkan program yang membantu orang mencipta atau mewujudkan semula mata pencarian melalui bantuan geran kecil, kredit mikro dan latihan. Dalam kes lain, ia mungkin menyediakan benih dan peralatan kepada petani-petani, menyediakan vaksinasi haiwan ternakan atau mengambil langkah lain yang membolehkan orang tempatan menyara diri dan dapat membeli atau bertukar barang dengan lebih bebas.

Begitu juga, Pergerakan ini membantu untuk membina daya tahan komuniti menghadapi bencana. Selain berusaha di peringkat kebangsaan dan tempatan untuk menyediakan orang ramai dengan lebih baik untuk menghadapi bencana alam atau buatan manusia, Persatuan Kebangsaan dan Persekutuan Antarabangsa terlibat dalam perbincangan tentang kesan perubahan iklim terhadap komuniti yang sudah terdedah kepada ribut, kemarau dan krisis lain yang berkaitan dengan iklim.

# WAJAH-WAJAH KEMANUSIAAN

Apabila krisis Ebola melanda Sierra Leone pada 2014, pekerja kesihatan di Pusat Rawatan Kenema tersembunyi di belakang kaca mata keselamatan dan pelitup muka tiap-tiap hari. Walaupun begitu mereka mempersonifikasi Prinsip Asas kemanusiaan dalam menghadapi wabak dahsyat yang meragut lebih 5,000 nyawa.

Pakaian perlindungan diri, yang menutupi mereka dari kepala hingga kaki, membolehkan pekerja kesihatan seperti Brima Momodu Jr, jururawat kesihatan komuniti berusia 28 tahun, untuk memberikan penjagaan perubatan dengan selamat dan memberi peluang hidup yang terbaik untuk pesakitnya. Walaupun pakaian perlindungan diri ini menjadi satu penghalang di antara dia dan pesakitnya, dia melakukan apa sahaja untuk meringankan penderitaan mereka. Ia adalah tugas yang sangat berisiko, sukar, tertekan dan meletihkan secara emosi.

"Saya memberi makan kepada pesakit saya untuk memberi mereka tenaga," katanya. "Saya terpaksa mandikan mereka di atas katil supaya mereka boleh berasa segar dan lebih sihat."

Edward Sannoh, yang berusia 24 tahun dari Kenema, menjalankan satu lagi tugas kritikal untuk menghentikan penyebaran Ebola - menyediakan pengebumian yang bermaruah untuk mereka yang telah meninggal dunia. Sebagai seorang ahli daripada pasukan yang menyediakan pengebumian yang selamat dan bermaruah, dia mengumpul mayat mereka yang telah meninggal dunia di pusat rawatan dan menyediakan mereka untuk dibawa ke bilik mayat.

Sepanjang wabak itu, lebih daripada 5,000 sukarelawan seperti Encik Momodu dan Encik Sannoh telah dilatih untuk melaksanakan pelbagai tugas, dari program jangkauan luar (*outreach*) kesihatan komuniti tentang cara mengelakkan kontaminasi dan mengesan orang yang mungkin pernah berhubung dengan orang yang sakit ke cara pengebumian yang selamat dan terhormat. Selain itu, beberapa ratus orang dari sekitar dunia menawarkan diri untuk menjadi sukarelawan dan – selepas mendapat latihan kritikal dari Persekutuan Antarabangsa - menghabiskan berbulan-bulan menjaga orang sakit, membantu mengesan kes jangkitan dan melaksanakan banyak lagi tugas penting di negara-negara yang terjejas oleh Ebola.

"Saya sukarelawan Palang Merah. Saya melakukan ini kerana saya mengambil berat tentang Prinsip kemanusiaan," kata Sannoh. "Saya muahu menyelamatkan nyawa saudara dan saudari kita."

**Sukarelawan Persatuan Kebangsaan di negara-negara Afrika Barat yang terjejas oleh wabak Ebola 2014-2015 mempersonifikasi Prinsip kemanusiaan walaupun bekerja dalam keadaan yang sangat sukar - selalunya memakai pakaian perlindungan diri dari kepala ke kaki untuk melindungi diri daripada jangkitan.**  
**(Gambar) Seorong sukarelawan dari Persatuan Kebangsaan Palang Merah Liberia.**







## KESAKSAMAAN

Pergerakan ini tidak akan melakukan diskriminasi berdasarkan kewarganegaraan, kaum, kepercayaan agama, kelas sosial atau pendapat politik. Ia berusaha untuk melegakan penderitaan individu, dipandu semata-mata oleh keperluan mereka, dan memberi keutamaan kepada kes yang paling mendesak.

**Sukarelawan dari Persatuan Bulan Sabit Merah Bangladesh memberikan pertolongan cemas kepada penunjuk perasaan dan ahli pasukan keselamatan yang cedera semasa keganasan politik.**

Bulan Sabit Merah Bangladesh



## KESAKSAMAAN

Beberapa tahun yang lalu, seorang sukarelawan muda dari salah satu Persatuan Bulan Sabit Merah di Asia Tenggara mengetuai pasukan sukarelawan ke satu kampung yang telah dilanda banjir.

Ketika pasukan sukarelawan tersebut tiba dengan 25 trak penuh dengan bungkusn makanan, orang ramai berkumpul di sekeliling konvoi untuk menerima bekalan yang amat diperlukan. Tetapi semasa pasukan itu sedang memunggah, seorang lelaki menghampiri dan memperkenalkan dirinya sebagai seorang ketua tempatan. Dia berkata dia tahu siapa yang paling memerlukan bantuan dan dia mahu mengambil alih pengagihan makanan.

Bagi orang lain, ia mungkin kelihatan sangat logik untuk menerima tawaran seperti ini. Lagipun, lelaki ini mungkin lebih mengenali komunitinya berbanding dengan sukarelawan yang merupakan orang luar. Bagaimanapun, sukarelawan Bulan Sabit Merah tahu dari pengalaman dan latihan bahawa menerima tawarannya akan mengkompromikan Prinsip kesaksamaan, yang menghendaki bantuan itu disalurkan kepada mereka yang paling memerlukan tanpa mengira afiliasi etnik, politik atau budaya. Bagaimana mereka boleh yakin bahawa dia menilai keperluan orang secara objektif dan tidak akan mengagihkan makanan mengikut hubungan peribadi atau pertimbangan politik? Mereka terpaksa menolak tawarannya.

Contoh ini menggambarkan kepentingan prinsip kesaksamaan sebagai satu keperluan praktikal dan juga keperluan moral - apakah faedahnya bantuan kemanusiaan jika ia tidak diberikan kepada mereka yang paling memerlukannya? ia juga menunjukkan betapa seriusnya Prinsip ini diamalkan di semua peringkat Pergerakan ini. ia adalah satu cara untuk meyakinkan

penerima, penderma dan semua yang terlibat atau terjejas oleh krisis bahawa bantuan diberikan semata-mata atas dasar kemanusiaan.

Walau bagaimanapun, mematuhi Prinsip-prinsip ini selalunya melibatkan kos. Ia mengambil masa untuk menjalankan penilaian yang objektif: masa untuk bercakap dan mendengar mereka yang terjejas, memahami keperluan mereka dan mengesan dengan tepat apa yang telah diberikan kepada siapa. Ini mungkin menimbulkan kemarahan, dan dalam sesetengah situasi, dibantah. Tetapi, kebanyakan orang menghormati pendekatan ini. Lagipun, ia adalah berdasarkan keadilan. Walaupun apabila orang yang terjejas tidak menerima bantuan pada hari tertentu, mereka faham bahawa pekerja kemanusiaan yang berpegang kepada Prinsip-prinsip ini akan berada di sana untuk membantu mereka pada masa mereka paling memerlukannya.

### **Tanpa diskriminasi: intipati kerja kami**

Tanpa diskriminasi adalah satu komponen penting dalam Prinsip kemanusiaan, yang mengiktiraf sepenuhnya setiap individu sebagai manusia, dan ia juga wujud dalam Prinsip kesaksamaan. Ia telah terkandung dalam Konvensyen Geneva dari awal: di bawah Konvensyen Geneva 1864, pejuang yang cedera atau sakit harus dikumpulkan dan dijaga, tidak kira kewarganegaraan mereka. Konvensyen Geneva 1949 memperluaskan keperluan tanpa diskriminasi untuk merangkumi "apa-apa pembezaan yang berdasarkan jantina, kaum, kewarganegaraan, agama, pendapat politik atau mana-mana kriteria lain yang serupa."

Ini bermakna dalam masa konflik bersenjata atau keganasan dalaman, pihak kawan dan pihak lawan mempunyai hak yang sama untuk mendapatkan bantuan. Sebuah hospital tidak boleh enggan menerima orang yang cedera dari satu pihak untuk memberi lebih banyak ruang kepada mereka yang cedera dari pihak lain. Begitu juga, dalam negara yang terbelah dua oleh pergolakan dalam negara, Persatuan Kebangsaan tidak boleh memberi makanan kepada mereka yang terjejas dari satu kumpulan sahaja dan tidak berusaha untuk membawa bantuan kepada yang lain.

Demikian juga, organisasi-organisasi yang membentuk Pergerakan ini tidak boleh mengamalkan diskriminasi dari segi siapa yang boleh menjadi ahli, sukarelawan atau kakitangan. Persatuan-persatuan Kebangsaan mestilah terbuka kepada semua orang di negara masing-masing dan membenarkan semua kumpulan sosial, politik dan agama



J. Barry/ICRC

**Prinsip kesaksamaan menghendaki kami untuk membantu mereka yang cedera hanya berdasarkan siapa yang paling memerlukan. Ini termasuk pejuang yang tidak lagi mampu bertempur. Bagi ICRC, ia boleh juga bermakna memberikan latihan pertolongan cemas asas kepada semua pihak dalam satu konflik. (Gambar) Latihan untuk kakitangan dari Direktorat Keselamatan Kebangsaan Afghanistan.**

untuk diwakili (lihat Bersatu, halaman 70). Ini membantu untuk memastikan bahawa aktiviti Persatuan menghormati kepelbagaian dan memberi tumpuan kepada satu kemanusiaan yang dikongsi bersama, dan bukannya dipengaruhi oleh pertimbangan partisan.

ICRC juga mempunyai tugas untuk membantu memastikan orang yang ditahan berkaitan dengan konflik atau keganasan dalaman tidak menghadapi diskriminasi. Apabila perwakilan ICRC melawat pusat tahanan, mereka menggesa pihak berkuasa untuk memberikan layanan kemanusiaan yang sama kepada semua tahanan, dan mereka mengesahkan bahawa tiada diskriminasi terhadap tahanan kerana kewarganegaraan atau pendirian politiknya. Walau bagaimanapun, bukan semua pembezaan merupakan diskriminasi: meminta selimut tambahan untuk mereka yang kurang mampu menahan kesejukan kerana umur atau kesihatan mereka adalah satu pembezaan yang berdasarkan keperluan yang objektif. Ia mewakili aspek kedua kesaksamaan: perkadaran.

### **Bantuan mengikut kadar penderitaan**

Tanpa diskriminasi tidak bermakna layanan yang sama. Sebaliknya, layanan yang saksama mengambil kira berapa banyak individu menderita dan betapa mendesak keperluan mereka. Justeru, bantuan diaghikan terlebih dahulu kepada mereka yang paling memerlukannya.

Undang-undang kemanusiaan antarabangsa juga menetapkan bahawa layanan keutamaan mesti diberikan kepada kategori orang tertentu yang sangat terdedah, seperti kanak-kanak dan orang tua. Orang yang sakit serta orang yang cedera mesti diberi penjagaan dan perlindungan yang sama rata, dan hanya sebab-sebab yang berkaitan dengan tahap kesegeraan keadaan mereka boleh mempengaruhi siapa yang akan dirawat dulu.

Dalam praktiknya, bukan mudah untuk memberikan bantuan mengikut kadar keperluan. Dalam banyak kes, perhatian media dan penderma tertumpu kepada bencana dramatik berskala besar yang mendapat sumbangan besar berbanding dengan sumbangan kecil yang diberikan kepada bencana-bencana yang lebih kecil, yang "terlupa", walaupun bencana-bencana ini bersama-sama telah meragut nyawa dan menyebabkan kerosakan dan penderitaan yang sama serius. Begitu juga, masalah-masalah yang timbul secara perlahan – penggurunan, kemarau, keganasan bandar dan paras air yang semakin meningkat – mendapat hanya sedikit perhatian media dan satu bahagian pembiayaan yang jauh lebih kecil. Pergerakan ini telah membangunkan mekanisme pembiayaan untuk mengatasi kecenderungan ini, tetapi ia tetap menjadi satu cabaran.

**Berikutan gempa bumi di Nepal, kit tempat perlindungan diedarkan selepas satu penilaian objektif dilaksanakan oleh Persatuan Palang Merah Nepal untuk memastikan pemberian bantuan yang saksama.**





Persekutuan Antarabangsa

Kadangkala bersikap saksama bermakna melihat lebih jauh ke dalam dinamik komuniti untuk memahami cara terbaik untuk membantu mereka yang memerlukan dan memastikan bahawa mereka dapat bersuara dalam menentukan apa jenis bantuan yang mereka terima. (Gambar) Seorang Perwakilan Persekutuan Antarabangsa bercakap dengan wanita-wanita dari isi rumah yang menerima orang yang kehilangan tempat tinggal akibat pertempuran di utara Mali.

## **Kesaksamaan: Mengelakkan bias peribadi**

Kesaksamaan juga menghendaki kami mengetepikan bias dan afiliasi kami. Jika, semasa menjalankan tugasnya, seorang sukarelawan atau kakitangan Persatuan Kebangsaan memberi layanan yang lebih baik kepada rakan berbanding dengan layanan yang diberikan kepada orang lain, ia akan melanggar Prinsip kesaksamaan.

Oleh itu, kesaksamaan bermakna bahawa usaha mestи dibuat untuk mengatasi semua prasangka, menolak pengaruh faktor peribadi – sedar atau tidak sedar – dan membuat keputusan berdasarkan fakta sahaja, untuk bertindak tanpa bias atau prejudis.

Dari satu segi, kesaksamaan bermaksud menilai keperluan secara objektif dan tidak memihak. Oleh itu, walaupun memang wajar bagi sukarelawan Persatuan Kebangsaan untuk memihak secara emosi dengan salah satu pihak yang terlibat dalam konflik, mereka tetap dijangka untuk mengetepikan perasaan mereka semasa memberi bantuan - demi meringankan penderitaan semua orang yang terjejas - dan apabila mengedarkan bekalan bantuan – tidak membezakan pihak-pihak yang terlibat dalam konflik.

## **Satu keperluan profesional**

Oleh itu, Prinsip kesaksamaan adalah sesuatu yang perlu diusahakan oleh semua yang terlibat. Walau bagaimanapun, kakitangan dan sukarelawan untuk Pergerakan dan agensi kemanusiaan lain tidak ditinggalkan tanpa sokongan untuk membangunkan kemahiran ini sendiri. Satu set sistem, kaedah, kod dan piawaian profesional telah dibangunkan untuk memastikan pematuhan yang terbaik mungkin untuk Prinsip ini. Kakitangan ICRC menjalani latihan yang ketat untuk memastikan mereka mempunyai ciri-ciri peribadi dan profesional yang diperlukan untuk bertindak secara saksama dalam situasi yang sangat tertekan. Begitu juga, sukarelawan dan kakitangan Palang Merah dan Bulan Sabit Merah – dengan sokongan daripada ICRC dan Persekutuan Antarabangsa – dilatih untuk mematuhi kod tatakelakuan khusus untuk Pergerakan dan memahami tafsiran Pergerakan mengenai Prinsip-prinsip ini. Sebagai tambahan, satu kurikulum telah dibangunkan oleh Persekutuan Antarabangsa dan Persatuan-persatuan Kebangsaan untuk meningkatkan kemahiran dan kualiti – empati, pemikiran kritis, keupayaan untuk mengetepikan bias, dan komunikasi tanpa kekerasan – yang diperlukan untuk mengamalkan Prinsip-prinsip Asas dalam kerja dan kehidupan sehari-hari mereka.



# KESAKSAMAAN DALAM NEGARA YANG BERPECAH BELAH

Di negara yang dipecah belah oleh politik dan sektarian, Palang Merah Lubnan adalah salah satu daripada beberapa organisasi yang dihormati dan dipercayai oleh semua pihak. Sebahagian besar penghormatan itu telah diperolehi melalui kerja perkhidmatan perubatan kecemasannya kerana ia merupakan penyedia utama perkhidmatan ambulans dan penjagaan pra-hospital di negara tersebut.

Palang Merah Lubnan mempunyai reputasi yang baik kerana dedikasi yang ditunjukkan oleh sukarelawan paramediknya hari demi hari seperti Berna Beyrouthy, 27 tahun. Dia memahami cabaran harian untuk menyampaikan bantuan berkecuali dan saksama di negara tersebut yang terasa tegangan akibat perperangan yang berlaku di sebelah sempadan di Syria.

Dalam tempoh lima tahun pertama konflik Syria, lebih 1.1 juta pelarian yang memasuki Lubnan memerlukan segera bantuan perubatan, tempat tinggal dan bekalan asas. "Pada mulanya, kami merawat orang yang mengalami kecederaan ringan seperti luka dan luka serpihan. Apabila pertempuran semakin sengit, kami mula menerima orang dengan luka tembakan yang mengancam nyawa di dada dan kepala mereka. Dengan pengalaman perang kami yang panjang, pasukan kami mempunyai kemahiran teknikal untuk mengambil tindakan penting seperti sistem triage, pertolongan cemas dan evakuasi perubatan."

Tetapi cabarannya bukan hanya dari segi perubatan. "Krisis Syria telah memberi cabaran baru kepada kami, menguji keberanian dan juga keupayaan kami untuk menegakkan Prinsip-prinsip Asas, yang mungkin tidak pernah berlaku dalam sejarah kami," katanya.

"Bagaimana anda kekal kuat apabila ambulans anda ditahan dan pesakit anda diseret ke jalan raya oleh seorang penduduk tempatan yang marah? Dan bagaimana anda kekal menjadi sukarelawan dan membantu orang lain apabila keluarga dan jiran anda sendiri marah dan menuduh anda 'membantu musuh'?"

"Ini adalah jenis cabaran yang kami hadapi setiap hari. Ia seolah-olah menguji keperibadian kami, kami harus memastikan kami tidak terlibat dalam persengketaan, dan tidak mengekspresikan atau mempertahankan pendapat sendiri," katanya, sambil menambah bahawa bagi Palang Merah Lubnan dan sukarelawannya, keupayaan untuk bekerja secara saksama berkait rapat dengan keberkecualian.

Mengaplikasikan Prinsip bersatu (lihat muka surat 70) juga penting untuk beroperasi secara saksama di negara yang berpecah belah dengan pelbagai kumpulan. Prinsip bersatu menghendaki hanya satu Persatuan Kebangsaan di setiap negara, mewakili semua orang. "Persatuan Kebangsaan kami mencerminkan gabungan kepelbagaiannya kumpulan politik dan agama yang membentuk negara kami. Sebagai pekerja kemanusiaan, kami tidak pernah membenarkan perpecahan dalam masyarakat menimbulkan perpecahan antara kami," katanya.

Sukarelawan Persatuan Palang Merah Lubnan membawa seorang warga Syria yang cedera akibat perperangan dari komuniti di sempadan Wadi Khaled ke hospital di Tripoli pada tahun 2013.



## KEBERKEUALIAN

Untuk terus menikmati keyakinan dari semua pihak,  
Pergerakan ini tidak boleh memihak dalam permusuhan atau  
terlibat pada bila-bila masa dalam kontroversi yang bersifat  
politik, perkauman, agama atau ideologi.





**Bulan Sabit Merah Arab Syria dan kakitangan ICRC melintasi barisan hadapan di Syria untuk menyediakan perkhidmatan bekalan air dan kesihatan yang amat diperlukan. Pemimpin-pemimpin kumpulan bersenjata mengarahkan lebih 50 penembak hendap di kawasan itu menghentikan tembakan dan membenarkan misi kemanusiaan neutral diteruskan.**

## KEBERKECUALIAN

Di antara semua Prinsip Asas, keberkecualian mungkin salah satu yang selalu disalah faham, dan juga salah satu yang paling penting.

Keberkecualian sering disalah anggap sebagai sikap pasif atau tidak ambil peduli. Tetapi tidak memihak dalam konflik tidak bermakna bersikap tidak ambil peduli. Keberkecualian sebenarnya membolehkan Pergerakan ini mengamalkan Prinsip kemanusiaan dan kesaksamaan dalam tindakannya.

Kenapa begini? Yang paling penting, ia adalah sebab utama mengapa orang di semua pihak dalam konflik rasa mereka boleh mempercayai Pergerakan ini. Prinsip ini membuka peluang. Selalunya, prinsip keberkecualian inilah yang membolehkan perwakilan ICRC melawat tahanan, membenarkan konvoi bantuan yang mempamerkan salah satu lambang Pergerakan ini untuk memasuki zon konflik dan membantu memastikan sukarelawan Persatuan Kebangsaan tidak diserang.

Walaupun terpaksa menghadapi bahaya kerana mengambil pendirian berkecuali, sukarelawan menahan tekanan besar yang mendesak mereka

untuk berpihak. Di negara-negara di mana konflik dalaman berlaku, kadang-kadang angkatan tentera tidak memahami mengapa Persatuan Kebangsaan tidak mengutuk kegiatan kumpulan bersenjata yang mereka anggap sebagai penjenayah, lebih-lebih lagi mengapa ia ingin menyediakan perubatan kepada mereka yang tidak lagi mampu melawan. Dan kumpulan bersenjata pula mungkin mengkritik apa yang mereka lihat sebagai hubungan antara Persatuan Kebangsaan dengan pihak berkuasa. Sedihnya, kadang-kadang walaupun memakai lambang pelindung palang merah atau bulan sabit merah, sukarelawan diserang, dicedera dan juga dibunuh ketika cuba membantu orang yang memerlukan.

Sukarelawan di Bulan Sabit Merah Arab Syria menunjukkan satu contoh yang mengagumkan tentang Prinsip keberkecualian dan kesaksamaan di negara tersebut yang terbahagi mengikut garis partisan. "Misi mereka (...) adalah untuk membantu orang yang memerlukan, tidak kira apa afiliasi politik," tulis New York Times pada Jun 2013. "Dalam konflik terpolarisasi di Syria, itu merupakan satu pendirian radikal."

Tidak dinafikan bahawa bukan selalu mudah untuk menerapkan Prinsip keberkecualian, apakah lagi kerana setiap orang mempunyai kepercayaan sendiri. Apabila ketegangan memuncak dan semangat dibangkitkan, setiap anggota Palang Merah atau Bulan Sabit Merah dijangka menjalankan tugas mereka dengan kawalan diri dan menahan diri daripada menyatakan pendapat sendiri. Tetapi sukarelawan tidak diminta untuk berkecuali - semua orang berhak mempunyai pendapat sendiri - mereka hanya perlu mengamalkan sikap berkecuali.

Bagi ICRC, keberkecualian membolehkannya mewujudkan dan mengekalkan dialog dengan semua pihak yang terlibat dalam konflik, dengan tujuan untuk memastikan akses kemanusiaan kepada orang yang terjejas akibat pertempuran. ICRC sentiasa bersedia untuk berdialog dengan mana-mana kumpulan yang mempunyai kuasa ke atas penduduk awam. Ini tidak bermakna ICRC memberi pernyataan tentang legitimasi kumpulan tersebut, atau memberikannya status tertentu.

Pemahaman yang mendalam tentang dinamik konflik - bagaimana komuniti, angkatan tentera dan kumpulan bersenjata berkelakuan - adalah penting. Keberkecualian bermaksud tidak bertindak dengan cara yang akan mempermudah perlaksanaan pertempuran (*conduct of hostilities*) oleh mana-mana pihak yang terlibat.

**Keberkecualian membolehkan ICRC mendekati semua pihak yang terlibat dalam konflik. (Gambar) Seorang perwakilan ICRC bercakap dengan anggota kumpulan bersenjata di Colombia mengenai undang-undang kemanusiaan antarabangsa.**



Keberkecualian juga bermakna tidak sesekali terlibat dalam kontroversi, supaya tidak kehilangan keyakinan mana-mana kumpulan di kalangan penduduk. Sebagai contoh, jika salah satu cawangan Persatuan Kebangsaan menyokong pemimpin politik atau tujuan politik tertentu, ramai orang mungkin akan berhenti menyokong atau bekerja untuk Persatuan Kebangsaan tersebut. Jika sebuah klinik yang dikendalikan oleh Persatuan Kebangsaan mempamerkan simbol-simbol keagamaan di negara yang terjejas oleh sektarianisme ganas, ramai pesakit mungkin tidak mahu lagi, atau tidak berani, pergi ke klinik tersebut untuk mendapatkan rawatan.

Oleh itu, Persatuan-persatuan Kebangsaan sedar bahawa kenyataan atau tindakan mereka yang bertentangan dengan Prinsip keberkecualian mungkin akan memudaratkan aktiviti Pergerakan di tempat lain di serata dunia. Walaupun dalam masa aman, Persatuan Kebangsaan harus juga sentiasa mengamalkan Prinsip keberkecualian. Salah satu sebabnya ialah sekiranya konflik tercusus di negara mereka, Persatuan Kebangsaan tersebut akan mendapat kepercayaan untuk membantu orang yang terjejas dari semua pihak.

Tetapi keberkecualian tidak bermakna Pergerakan ini akan berdiam diri dalam isu-isu yang menimbulkan keimbangan kemanusiaan yang serius. Sejak hari-hari terawalnya, Pergerakan ini telah berusaha untuk mencegah kekejaman dan penderaan yang mungkin berlaku dalam konflik bersenjata. Komunikasi dihantar kepada semua yang terlibat dalam pertempuran, mengingatkan mereka tentang kewajipan mereka di bawah undang-undang kemanusiaan.

Pergerakan ini mungkin mengadvokasikan larangan terhadap senjata ketenteraan tertentu, seperti senjata nuklear atau periuk api, yang melanggar undang-undang kemanusiaan kerana sifat mereka. Sokongan Pergerakan untuk menerima pakai Konvensyen Periuk Api Pembinasa Anggota 1997, misalnya, tidak dikongsi oleh pemimpin-pemimpin semua negara, dan senjata nuklear masih dilihat oleh ramai sebagai boleh diterima. Namun kerana senjata-senjata ini tidak boleh digunakan secara realistik dengan membezakan pejuang dan bukan pejuang - sekali gus melanggar peraturan penting undang-undang kemanusiaan - Pergerakan ini dapat mengambil pendirian yang menentang senjata-senjata ini secara terbuka.



Persatuan Antarabangsa dan Persatuan Bulan Sabit Merah Palestin

**Menegakkan Prinsip keberkecualian tidak bermakna berdiam diri dalam isu-isu yang menimbulkan keimbangan kemanusiaan. (Gambar)**  
**Sidang akhbar di mana ahli-ahli Pergerakan menyru semua pihak untuk menegakkan undang-undang kemanusiaan antarabangsa dan memberikan sokongan yang lebih besar kepada orang yang terjejas oleh keeganasan.**

## Pendekatan ICRC untuk bersuara

ICRC secara berterusan membuat pernyataan awam menyeru semua pihak dalam konflik tidak melakukan sebarang tindakan yang akan melanggar undang-undang kemanusiaan.

Apa yang biasanya tidak dilakukan oleh ICRC ialah mengecam satu pihak secara terbuka. Sebaliknya, ia membuat rundingan secara langsung dan dua hala dengan pihak-pihak yang terlibat dalam konflik tentang perlaksanaan pertempuran mereka. Jika ICRC telah mengumpul maklumat bahawa satu atau lebih pihak yang terlibat dalam konflik melanggar undang-undang kemanusiaan antarabangsa - contohnya melakukan penghilangan paksa (*forced disappearances*), mendera tahanan, melancarkan perang dengan cara yang mencederakan orang awam secara sembarangan - ia akan memaklumkan mereka secara sulit dalam laporan serta pertemuan bersemuka bahawa tingkah laku tersebut adalah dilarang dan mesti dihentikan.



I. Malla/Bulan Sabit Merah Arab Syria

**Semasa konflik, ICRC sering membuat seruan terbuka kepada semua pihak untuk mematuhi undang-undang kemanusiaan antarabangsa.**


Hanya apabila ICRC memerhatikan terdapatnya pelanggaran undang-undang kemanusiaan yang serius dan berulang kali – dan selepas rundingan sulit tidak berhasil – ia akan mendedahkan kebimbangannya secara terbuka.

Tetapi ini adalah sesuatu yang luar biasa dan bukannya lazim. Sebabnya mudah sahaja. Kerana matlamat ICRC adalah untuk melindungi orang yang terdedah, ia mahu memastikan akses berterusan kepada mereka yang ditahan atau yang diperlakukan dengan teruk. Di samping itu, ICRC mahu memastikan bahawa laporannya tidak digunakan, atau dilihat, sebagai alat untuk propaganda politik, yang akan menjelaskan keberkejadian dan kredibilitinya.

Bersama rakan kongsinya dalam Pergerakan, ICRC terlibat dalam usaha untuk meluaskan skop peraturan perlindungan yang terkandung dalam undang-undang kemanusiaan untuk mempromosikan rasa hormat yang lebih tinggi untuk nyawa dan maruah manusia.

# PRINSIP SALING BERKAITAN:

## Bagaimanakah Prinsip keberkecualian berkait dengan Prinsip-prinsip Asas yang lain?



Dalam masa aman, Pergerakan ini menyokong penambahbaikan sistem regulatori yang memberi kesan kepada kesiapsiagaan dan tindak balas bencana. Begitu juga, ahli-ahli Pergerakan ini mungkin menyokong dasar yang lebih berperikemanusiaan terhadap golongan pelarian dan migran, atau mengambil pendirian mengenai isu-isu kesihatan dan keselamatan yang penting. Dengan berbuat demikian, mereka mesti melibatkan diri dalam proses politik pada tahap tertentu sambil mengelak daripada mengambil bahagian dalam perdebatan politik yang berada di luar batas keprihatinan kemanusiaan.

### **Kos untuk keberkecualian**

Tetapi ada kosnya untuk keberkecualian. Untuk memastikan bantuan kemanusiaan tidak digunakan untuk menyokong agenda politik sesuatu kumpulan atau Pergerakan tidak dianggap sebagai sebahagian daripada mana-mana kempen ketenteraan, ahli-ahli Pergerakan ini tidak boleh sentiasa menerima perkhidmatan yang ditawarkan kepada mereka walaupun perkhidmatan tersebut mungkin memberikan manfaat segera. Ini kerana kerajaan-kerajaan, Persatuan Bangsa-Bangsa Bersatu, pertubuhan bukan kerajaan (NGO) dan organisasi berteraskan agama (*faith-based groups*) mungkin tidak berkecuali dalam sesuatu konflik tertentu atau mungkin tidak mengamalkan Prinsip-prinsip Asas dalam cara yang konsisten dengan pendekatan Pergerakan.

Sebagai contoh, Pergerakan perlu menyediakan pengangkutan sendiri untuk tujuan mengangkut orang dan barang-barang supaya dapat mengekalkan satu jarak yang diperlukan dari pasukan pengaman PBB yang memberi sokongan politik kepada kerajaan tertentu. Tetapi ini sukar di negara-negara di mana pesawat PBB merupakan satu-satunya pengangkutan yang sedia ada. Begitu juga, Pergerakan mesti memberi perhatian kepada, dan kadang-kadang berunding panjang tentang, logo-logo yang boleh dicetak pada barang bantuan yang diedar atau diangkut oleh Pergerakan. Semua ini meningkatkan kos operasi. Namun, walaupun sukar untuk mengukur, Prinsip keberkecualian telah terbukti sebagai alat kami yang paling boleh dipercayai dan berkesan dalam mendapatkan akses ke kawasan di mana banyak organisasi antarabangsa tidak dapat masuk.

### **Tindakan kemanusiaan: Satu kuasa untuk keamanan?**

Ramai juga bertanya kepada kami mengapa kami sebagai satu Pergerakan kemanusiaan tidak terlibat lebih dalam aktiviti berdamai (*peacemaking*). Salah satu sebabnya adalah keberkecualian kami. Dalam situasi konflik, Pergerakan tidak menyumbang secara langsung kepada proses keamanan. Ia juga tidak menyebelahi mana-mana pihak dalam perdebatan politik mengenai sama ada perang tertentu adalah "adil" atau "tidak adil." Kerana berbuat demikian akan menjasakan keberkecualian politik kami dan dengan itu, keupayaan kami untuk membantu orang yang terjejas teruk akibat konflik. Keputusan untuk berperang atau tidak selalunya terlalu dipolitikkan. Oleh itu, adalah terpulang kepada pihak lain untuk menyakinkan pihak-pihak yang berperang untuk memulakan rundingan demi keamanan. Walau bagaimanapun, kerja keseluruhan Pergerakan ini yang berteraskan perasaan solidariti dan perpaduan boleh membantu memupuk semangat keamanan dan mewujudkan perdamaian di antara musuh. Ini telah dinyatakan dalam Prinsip kemanusiaan yang mengatakan Pergerakan "menggalakkan persefahaman bersama, persahabatan, kerjasama dan keamanan berkekalan di kalangan semua orang."



**TINDAKAN BERPRINSIP:**

## MEMBAWA PENJAGAAN KESIHATAN KEPADА SEMUA DI SOMALIA

Selama lebih daripada dua dekad, hospital Keysaney di Mogadishu telah menyediakan rawatan perubatan yang saksama. Menurut satu kajian tahun 2013 oleh Palang Merah British, ini adalah disebabkan keberkecualian Bulan Sabit Merah Somalia semasa perang saudara berdarah.

Pada tahun 1991, Mogadishu terpecah belah. Akses kepada perkhidmatan perubatan di hospital di selatan Mogadishu terputus untuk orang awam dan pejuang yang cedera di bahagian utara bandar tersebut. Bulan Sabit Merah Somalia dan ICRC memutuskan untuk menukar sebuah penjara lama di timur laut Mogadishu dan menjadikannya hospital. Tidak lama selepas dibuka pada tahun 1992, hospital itu merawat lebih daripada 100 pesakit baru setiap hari.

Memandangkan kawalan ke atas kawasan itu bertukar tangan berulang kali pada tahun 2000-an, adalah penting bagi kakitangan hospital untuk mendapat kepercayaan semua pihak supaya mereka kekal selamat dan dapat merawat semua orang. Keberkecualian membolehkan hospital Keysaney terus dibuka dan beroperasi, tidak kira kumpulan mana yang mempunyai kuasa ke atas kawasan itu.

Sejak ia ditubuhkan, hospital ini telah merawat lebih 200,000 orang, termasuk lebih daripada 30,000 yang dicederakan oleh senjata. "Kami dapat menjalankan kerja kami dalam persekitaran yang sukar ini hanya kerana sifat berkecuali kami, dan diiktiraf sedemikian," kata pengarah hospital.

*"Kami dapat menjalankan kerja kami dalam persekitaran yang sukar ini hanya kerana sifat berkecuali kami, dan diiktiraf sedemikian."*

Pengarah, hospital Keysaney di Mogadishu, Somalia

Prinsip Keberkecualian adalah salah satu sebab kakitangan perubatan di hospital di Mogadishu ini dapat memberikan perkhidmatan kesihatan asas kepada semua orang, termasuk mereka yang cedera dalam pertempuran.







**TINDAKAN BERPRINSIP**

## KEBERKECUALIAN DAN KOMUNITI

Prinsip-prinsip Asas bukan sahaja relevan semasa krisis dan konflik. Untuk kebanyakan Persatuan Kebangsaan, prinsip-prinsip ini adalah penting dalam usaha-usaha mengekalkan keyakinan awam dan membina hubungan yang kukuh dengan komuniti tempatan.

Sebagai contoh, Palang Merah Australia mendapati bahawa Prinsip-prinsip ini memainkan peranan penting dalam mengukuhkan aktiviti kemanusiaannya dengan komuniti Orang Asli dan Pulau Selat Torres. Menurut satu kajian Palang Merah Australia, prinsip keberkecualian dan kesaksamaan terdapat keterikatan dengan sukarelawan dan kakitangan dari komuniti-komuniti ini.

Satu contoh ialah Woorabinda, di mana sukarelawan dan kakitangan Palang Merah menawarkan pelbagai jenis perkhidmatan untuk meningkatkan kesihatan komuniti, kesiapsiagaan bencana dan penyertaan sosial (*social inclusion*). Komuniti yang mempunyai kira-kira 1,000 orang ini telah ditubuhkan pada tahun 1927 apabila penduduk Orang Asli dan Pulau Selat Torres telah ditempatkan secara paksa di sana oleh kerajaan Australia.

Sejarah ini, bersama-sama dengan dasar-dasar lain dan sikap terhadap penduduk Orang Asli dan Pulau Selat Torres, telah memberikan impak yang buruk dan berkekalan kepada kehidupan sosial, ekonomi, budaya dan kerohanian penduduk Orang Asli dan Pulau Selat Torres.

Prinsip ini membantu orang ramai memahami bahawa Palang Merah akan membantu sesiapa sahaja yang memerlukan, tanpa mengira latar belakang agama, budaya atau keluarga. "Dengan bersikap berkecuali dan bebas, kami boleh menjelaskan kepada komuniti bahawa kami berada di sini bukan untuk berpihak kepada sesiapa," kata seorang yang ditemui bual dalam kajian itu. Pemahaman itu membawa kepada penerimaan yang lebih besar dan sikap saling menghormati, yang seterusnya memupuk penglibatan komuniti (*community engagement*) yang lebih mendalam dalam Persatuan Kebangsaan dan perkhidmatannya.

Bekerjasama dengan orang daripada sedemikian luas latar belakang telah menyerlahkan keperluan untuk membuat penerangan dalam cara yang masuk akal untuk setiap konteks budaya. Sukarelawan dan kakitangan kadangkala menerangkan Prinsip-prinsip ini melalui lukisan yang menggunakan imejan yang diambil dari budaya orang asli dan "yarning" - istilah tempatan untuk bercerita (*story-telling*).

Taleesha Sweeney, sukarelawan Palang Merah dari Woorabinda yang membantu melukis mural Prinsip-prinsip Asas di luar ibu pejabat cawangan Palang Merah tempatan, mengatakan bahawa aktiviti sedemikian membantu mengubah sikap terhadap perkhidmatan Persatuan Kebangsaan.



"Pernah terjadi apabila terdapat isu-isu di kalangan komuniti, ada orang muda memberi komen 'anda tidak boleh memihak kerana anda bekerja di Palang Merah,' ini menunjukkan satu peningkatan yang menakjubkan dalam pemahaman tentang peranan Palang Merah dalam komuniti," katanya. Dia berkata bahawa Prinsip-prinsip itu juga membuatkan semua orang berasa dialu-alukan di cawangan Palang Merah tersebut dan memberikan mereka rasa kekitaan. "Ini mengenai mewujudkan satu ruang selamat untuk orang ramai datang," tambahnya. "Ini mengenai mengumpulkan semua orang di ruang selamat di mana kami tidak menilai atau menghakimi (*non-judgemental*) dan boleh duduk dan bercerita tentang apa sahaja."

Seorang sukarelawan Palang Merah Australia dari Kepulauan Tiwi mengekspresikan Prinsip kesejagatian melalui bahasa tubuh.



## KEBEASAN

Pergerakan ini adalah bebas. Walaupun Persatuan-persatuan Kebangsaan ialah aksiliari dalam perkhidmatan kemanusiaan kerajaan mereka dan tertakluk kepada undang-undang negara masing-masing, mereka mesti sentiasa mengekalkan autonomi supaya mereka boleh bertindak mengikut prinsip-prinsip Pergerakan pada setiap masa.







Persatuan-persatuan Kebangsaan berkhidmat sebagai akselerasi kepada kerajaan mereka dalam bidang kemanusiaan, tetapi mereka adalah organisasi bebas yang membuat keputusan mereka sendiri tentang bila dan di mana bantuan diperlukan. (Gambar) Seorang sukarelawan bercakap dengan seorang wanita yang sedang menunggu di luar tempat perlindungan bermalam untuk migran tidak berdokumen, yang ditubuhkan oleh Palang Merah Norway dan rakan kongsi tempatan untuk bertindak balas terhadap keperluan yang terdesak.

## KEBEASAN

Apabila ICRC dan Persatuan-persatuan Kebangsaan pertama ditubuhkan lebih daripada 150 tahun yang lalu, pengasas mereka menyedari betapa pentingnya untuk menjadi bebas.

Persatuan-persatuan Kebangsaan perlu memastikan mereka boleh membuat keputusan sendiri untuk memberi bantuan berdasarkan keperluan semata-mata dan tidak subordinat kepada kuasa politik, ketenteraan atau yang lain.

Prinsip kebebasan masih relevan hari ini. Persatuan-persatuan Kebangsaan, seperti ICRC dan Persekutuan Antarabangsa, mesti boleh membuat keputusan sendiri. Mereka tidak boleh mengalah kepada tekanan politik atau membiarkan diri mereka dipengaruhi oleh pendapat umum yang mudah terpengaruh oleh media yang berubah-ubah.

Dalam erti kata yang luas, kebebasan bermakna ahli-ahli Pergerakan mesti menentang campur tangan - sama ada politik, ideologi atau ekonomi - yang akan menghalang mereka daripada bertindak mengikut Prinsip-prinsip Asas kemanusiaan, kesaksamaan dan keberkecualian.

### **Tindakan autonomi**

Tiada Persatuan Kebangsaan boleh, sebagai contoh, menerima sumbangan kewangan yang diberikan untuk membantu orang hanya berdasarkan kriteria politik, etnik atau agama dan mengecualikan mereka yang mungkin lebih memerlukan bantuan. Begitu juga, untuk mendapatkan kepercayaan semua orang dan menikmati kredibiliti yang penting untuk melaksanakan misi mereka, ahli-ahli Pergerakan mesti memastikan mereka tidak kelihatan sebagai instrumen dasar kerajaan.

Begitu juga, Persatuan Kebangsaan yang memutuskan untuk menjalankan operasi bantuan kerana tekanan dari orang ramai dan bukan kriterianya sendiri mungkin akan memberikan bantuan yang tidak sesuai atau malah memudaratkan. Ini seterusnya boleh membawa kepada kritikan dan kehilangan kepercayaan orang ramai.



H.R.Diaz/Persekutuan Antarabangsa

**Prinsip Kebebasan adalah penting kerana ia membolehkan Persatuan Kebangsaan untuk melakukan kerja yang mungkin kontroversi atau sensitif dari segi budaya. (Gambar)**  
**Seorang pekerja Palang Merah Colombia di Cali berkongsi maklumat tentang penyakit kelamin dan isu kesihatan lain kepada pekerja seks dan orang lain yang terdedah.**

Banyak Persatuan Kebangsaan di sekitar dunia bekerjasama dengan kerajaan untuk menambah baik undang-undang dan peraturan yang mengawal penghantaran bantuan kemanusiaan selepas bencana. Sebagai contoh, undang-undang tentang mengimport barang boleh menghalang bantuan kecemasan jika tiada pengecualian dibuat semasa kecemasan. (Gambar) Kakitangan Persatuan Palang Merah Kepulauan Cook bercakap dengan pegawai kerajaan dan wakil masyarakat sivil tentang cara menambah baik undang-undang domestik yang mengawal tindak balas bencana.



B. Matsha-Carpentier/Persekutuan Antarabangsa

### **Peranan auksiliari: Mengekalkan satu keseimbangan yang sihat**

Ia amat penting untuk pihak berkuasa awam memahami dan menghormati autonomi Persatuan Kebangsaan dan status undang-undangnya yang tersendiri di bawah Konvensyen Geneva 1949, statut Pergerakan dan resolusi-resolusi yang diterima pakai oleh Persidangan Antarabangsa Palang Merah dan Bulan Sabit Merah.

Ini memberikan kepada Persatuan Kebangsaan peranan "auksiliari" kepada pihak berkuasa awam dalam bidang kemanusiaan. Peranan auksiliari Persatuan Kebangsaan bermula pada zaman awal Palang Merah, apabila pekerja sukarelawan perubatan pertama kali diiktiraf sebagai auksiliari kepada perkhidmatan perubatan tentera. Dari masa ke masa, konsep ini telah berubah dan menjadi lebih luas untuk merangkumi pelbagai aktiviti kemanusiaan yang menyokong pihak berkuasa awam dalam masa aman dan dalam krisis.

Ini tidak bermakna Persatuan Kebangsaan adalah subordinat kepada kerajaan mereka, tetapi sebaliknya mereka boleh diamanahkan untuk melengkapkan aktiviti kerajaan atau perkhidmatan awam yang kerajaan tidak mampu menyediakan.

Walau bagaimanapun, untuk mengekalkan kebebasan operasi Persatuan Kebangsaan, peranannya sebagai auksiliari mesti ditakrifkan dengan jelas dalam undang-undang domestik, statut atau perlembagaan Persatuan Kebangsaan dan perjanjian rasmi antara Persatuan Kebangsaan dan kerajaan. Undang-undang dan perjanjian-perjanjian ini harus menentukan peranan yang diamanahkan kepada Persatuan Kebangsaan, penyediaan sumber yang diperlukan untuk memenuhi peranan tersebut oleh kerajaan dan mengesahkan keupayaan dan prerogatif Persatuan Kebangsaan untuk memberikan perkhidmatan kemanusiaannya pada setiap masa mengikut Prinsip-prinsip Asas.

Disebabkan status mereka sebagai auksiliari, Persatuan-persatuan Kebangsaan mempunyai kewajipan untuk mempertimbangkan dengan serius apa-apa permintaan kerajaan untuk menjalankan aktiviti kemanusiaan. Dan kerajaan dapat bermanfaat sepenuhnya daripada perkhidmatan Persatuan Kebangsaan untuk melengkapkan perkhidmatan sosial awam dan sistem kesediaan kecemasan dan tindak balas.

Tetapi kerajaan tidak boleh meminta Persatuan Kebangsaan melakukan aktiviti yang bercanggah dengan Prinsip-prinsip Asas atau dengan Statut Pergerakan. Negara-negara, sebagai pihak kepada Konvensyen Geneva 1949 dan Ahli dalam Persidangan Antarabangsa Palang Merah dan Bulan Sabit Merah, komited untuk menghormati keupayaan Persatuan Kebangsaan untuk mematuhi Prinsip-prinsip Asas pada setiap masa dan tidak masuk campur dalam autonomi tindakan dan keputusan Persatuan Kebangsaan.

Kadangkala, ini bermakna Persatuan Kebangsaan, ICRC atau Persekutuan Antarabangsa mungkin perlu menolak cadangan tertentu, jika ia tidak mematuhi Prinsip-prinsip Asas.

Pada masa yang sama, Persatuan Kebangsaan boleh membuat keputusan berdasarkan Prinsip kesaksamaan untuk menjalankan aktiviti kebajikan sosial terutamanya yang membantu kumpulan yang terdedah (pelarian, tahanan yang dibebaskan, penagih dadah, dsb.), walaupun Kerajaan tidak meminta ia mengambil tindakan.

### **Cabarán kepada autonomi**

Tetapi tidak selalunya mudah untuk mengekalkan status bebas. Sebagai contoh, dalam beberapa kes, terdapat wakil kerajaan dalam badan pentadbir Persatuan Kebangsaan. Ini adalah berguna untuk penyelarasan dengan pihak berkuasa awam (cth. kementerian kesihatan, pendidikan atau pertahanan), tetapi ini harus berlaku hanya jika ahli-ahli yang dipilih secara bebas membentuk majoriti dalam badan pentadbir Persatuan Kebangsaan tersebut. Peraturan ini hendaklah dinyatakan dengan jelas dalam statut Persatuan Kebangsaan.

Ia akan terus mempertahankan kebebasannya dengan mengambil pekerja sukarelawan daripada semua sektor sosial, budaya dan ekonomi di kalangan penduduk, dan dengan memberikan peluang kepada semua untuk mengambil bahagian dalam keputusan penting dan dipilih untuk jawatan utama.

**Palang Merah Peru yang disokong oleh Dana Kecemasan Bantuan Bencana Persekutuan Antarabangsa** memberikan selimut semasa cuaca sejuk di Andes. Dana itu ditubuhkan untuk membolehkan Persatuan-persatuan Kebangsaan bertindak balas dengan cepat kepada krisis, terutamanya yang tidak mendapat perhatian antarabangsa secara meluas.



Palang Merah Peru

## Tekanan lain

Sumber dana boleh mempengaruhi sama ada tindakan kemanusiaan adalah, atau dilihat sebagai, bebas. Semakin pelbagai sumber pembiayaan, semakin autonomi organisasi kemanusiaan akan menjadi.

Berikutnya krisis kewangan global, ramai orang di negara berpendapatan tinggi mula mempersoalkan belanjawan negara mereka untuk bantuan luar negara. Akibatnya, banyak negara penderma telah menuntut lebih banyak akauntabiliti daripada organisasi kemanusiaan. Pada masa yang sama, kesanggupan untuk membiayai "bajet teras" organisasi telah berkurang dan sebaliknya fokus beralih kepada pembiayaan projek atau isu berkepentingan tertentu. Oleh kerana agensi-agensi kemanusiaan telah berkembang pesat dalam beberapa tahun kebelakangan ini, penderma mempunyai lebih banyak pilihan di mana mereka menyumbang wang mereka.

Semua ini telah membawa kepada banyak perkembangan positif. Permintaan yang lebih besar untuk akauntabiliti telah memaksa organisasi kemanusiaan untuk mendemonstrasikan dengan lebih berkesan bagaimana wang bantuan dibelanjakan dan manfaat konkrit daripada pembiayaan tersebut – tindakan penting untuk mengekalkan kepercayaan orang ramai dan memastikan bahawa bantuan tersebut membantu mereka yang paling memerlukannya.

Walau bagaimanapun, trend ini menimbulkan cabaran kepada kebebasan organisasi kemanusiaan jika mereka semakin menerima wang untuk membiayai projek tertentu sahaja. Ini mungkin menghakis keupayaan mereka untuk membuat keputusan sendiri tentang siapa dalam komuniti mereka yang paling memerlukan bantuan, dengan itu juga menjelaskan Prinsip kesaksamaan. Walaupun pembiayaan sedemikian mungkin dalam jangka pendek membolehkan Persatuan Kebangsaan membuat perubahan di peringkat komuniti dan, membolehkan sesetengah daripada mereka memperolehi autonomi kewangan yang lebih kuat daripada kerajaan mereka, autonomi tersebut akan dilemahkan teruk apabila sumber pembiayaan khusus untuk projek terputus.

Oleh itu, Pergerakan sentiasa berusaha untuk membantu Persatuan-persatuan Kebangsaan mencari dan membangunkan hubungan dengan pelbagai penderma dalam jangkauan mereka, yang dapat mengurangkan pergantungan kepada mana-mana satu sumber pembiayaan. Begitu juga, Persatuan-persatuan Kebangsaan yang mempunyai pelbagai aktiviti (termasuk yang menjana pendapatan) mungkin kurang terdedah kepada tekanan kewangan yang boleh menjelaskan kebebasan kewangannya. Persatuan Kebangsaan yang mengekalkan kredibiliti di mata masyarakat umum bermakna ia boleh mendapatkan sokongan orang ramai jika kebebasannya terancam.

Akhir sekali, terdapat hubungan rapat antara pembangunan organisasi dan penghormatan terhadap Prinsip-prinsip Asas: satu Persatuan Kebangsaan yang mempunyai struktur pentadbiran dan kewangan yang lemah adalah kurang berupaya untuk menegakkan kebebasannya apabila berhadapan dengan pihak berkuasa berbanding jika ia mempunyai struktur yang kukuh dan boleh mendapatkan sokongan dari sukarelawan yang terlatih dan bermotivasi.

### **Kerjasama vs kebebasan**

Kebebasan adalah amat penting apabila bekerjasama dengan agensi kerajaan, konsortium pembiayaan antarabangsa, organisasi kemanusiaan lain dan kumpulan komuniti tempatan. Ini adalah benar terutamanya apabila bertindak balas terhadap bencana berskala besar di mana penyelaras dan kerjasama adalah penting untuk memberikan impak terbesar dengan masa dan sumber yang terhad.

Walaupun Pergerakan berusaha untuk bekerjasama dengan pihak lain yang membantu mereka yang menderita akibat konflik atau bencana alam, ia sering menegaskan kebebasannya apabila agenda lain seperti ekonomi, politik atau ketenteraan juga terlibat.

**Prinsip kebebasan tidak bermakna kami tidak boleh bekerjasama dengan organisasi lain yang berusaha membantu orang yang terdedah; asalkan kerjasama tersebut tidak menjelaskan keupayaan kami untuk mematuhi Prinsip-prinsip asas.**



Persatuan Palang Merah Senegal



Ini amat penting apabila bekerja di kawasan konflik atau keganasan yang serius. Agar menjadi berkesan, tindakan kemanusiaan perlu berbeza, dan dilihat sebagai berbeza, daripada kepentingan politik dan ketenteraan. Sebab untuk bekerja secara bebas adalah mudah: pihak-pihak yang terlibat dalam mana-mana konflik akan cenderung untuk menolak organisasi kemanusiaan yang mereka syak mempunyai motif tersembunyi.

Pendekatan bersepadan yang menggabungkan unsur politik, ketenteraan, pembinaan semula dan kemanusiaan, seperti yang diadvokasikan oleh beberapa Negara, bercanggah dengan Prinsip kebebasan.



Angkatan tentera dan organisasi pertahanan awam sering memainkan peranan penting dalam bertindak balas terhadap bencana alam. Ahli komponen pergerakan mungkin bekerjasama dengan mereka, dengan syarat ia tidak memberi impak negatif ke atas bagaimana Pergerakan keseluruhan dipersepsikan dan bahawa tidak ada pelanggaran yang nyata atau dipersepsikan terhadap Prinsip kebebasan dan keberkecualian. (Gambar) Anggota tentera Perancis menghantar barang bantuan di Vanuatu.

Ini bukan kerana Pergerakan mengelak daripada berdialog dengan tentera: sebagai contoh, ICRC berusaha, dan selalunya berjaya, mengadakan dialog aktif dengan tentera dan kumpulan bersenjata lain. Bagaimanapun, pendirian Pergerakan adalah bahawa aktiviti kemanusiaan tidak seharusnya direka sebagai sebahagian daripada kempen ketenteraan "hati dan minda", dan juga tidak boleh digunakan untuk mempromosikan, atau sebagai aktiviti sampingan, perubahan rejim. Mengaburkan garis antara aktiviti kemanusiaan dan politik atau ketenteraan akhirnya boleh menghalang perlindungan dan bantuan kemanusiaan daripada diberikan tanpa diskriminasi untuk semua mangsa konflik.



## KHIDMAT SUKARELA

Pergerakan ini adalah berdasarkan khidmat sukarela dan tidak didorong dalam mana-mana cara oleh keinginan untuk mendapatkan keuntungan.





Dalam satu program untuk membantu pesakit mengikuti rawatan mereka, sukarelawan Persatuan Palang Merah India bercakap dengan seorang lelaki yang menghidap batuk kering.

## KHIDMAT SUKARELA

Setiap hari, ramai orang di sekitar dunia menyumbangkan masa dan tenaga mereka untuk membantu orang lain secara percuma. Mereka melawat orang tua di pusat jagaan, membantu orang menderma darah dan membawa selimut kepada mangsa kebakaran rumah. Dalam kecemasan, sukarelawan memberikan pertolongan cemas dan kadangkala melakukan tindakan berani yang luar biasa. Mereka menyumbangkan masa selama berhari-hari, berminggu-minggu dan kadang-kadang bertahun-tahun untuk membina tempat perlindungan dan melindungi komuniti daripada penyakit berjangkit.

Dianggarkan terdapat 17 juta sukarelawan dalam Pergerakan. Satu kajian terbaru oleh Persekutuan Antarabangsa meletakkan nilai ekonomi perkhidmatan mereka pada lebih AS\$6 bilion setahun. Tetapi khidmat sukarela bukan mengenai wang.

Khidmat sukarela adalah satu Prinsip teras Pergerakan. Kerja kami mesti didorong oleh dedikasi dan komitmen individu terhadap matlamat kemanusiaan dan bukannya keinginan untuk keuntungan kewangan, prestij, kedudukan sosial atau kemajuan peribadi. Ini terpakai kepada kedua-dua kerja bergaji dan kerja tidak bergaji: walaupun kakitangan Pergerakan menerima gaji, komitmen mereka membantu orang juga bukan didorong oleh keinginan untuk apa-apa keuntungan.

Semangat sukarela tidak mementingkan diri ini membantu mengukuhkan kepatuhan Pergerakan kepada Prinsip-prinsip lain. Apabila individu-individu tidak mencari keuntungan peribadi dan organisasi tidak didorong oleh keuntungan, orang ramai boleh mempercaya bahawa tindakan kami tidak berkaitan dengan tekanan kewangan. Kesukarelawan juga boleh memainkan peranan dalam menggalakkan perpaduan sosial dan kesihatan komuniti dengan cara yang sangat bermanfaat tetapi sukar diukur.

### **Asal usul khidmat sukarela**

Di medan perang Solferino pada tahun 1859, Henry Dunant yang terkejut dengan kekurangan perkhidmatan perubatan dan bilangan askar yang mati akibat kekurangan penjagaan perubatan terfikir satu idea untuk membentuk "persatuan bantuan supaya penjagaan dapat diberikan kepada yang cedera dalam peperangan oleh sukarelawan yang bersemangat, berdedikasi dan berkelayakan."

Walaupun sukarelawan di peringkat awal penubuhan Palang Merah bekerja di, atau berdekatan dengan, medan perang, para sukarelawan kini melaksanakan pelbagai tugas perubatan dan kebajikan sosial dalam kehidupan seharian dan selepas bencana alam.



Palang Merah Ukraine

Oleh kerana mereka sendiri berasal dari negara dan komuniti yang terjejas akibat krisis, sukarelawan Palang Merah dan Bulan Sabit Merah sering menjadi orang yang pertama sampai ke tempat kejadian apabila orang ramai memerlukan bantuan. (Gambar) Ahli-ahli Persatuan Palang Merah Ukraine menjaga seorang yang tercedera dalam pergolakan sivil.



**Sukarelawan Persatuan Palang Merah Chile ini mencari mangsa-mangsa yang terselamat selepas gempa bumi merupakan satu contoh semangat kesukarelawanan.**

## Masih relevan?

Adakah kesukarelawanan masih model yang relevan untuk menangani akibat konflik dan bencana alam, apatah lagi pelbagai isu sosial, ekonomi dan kesihatan yang mempengaruhi masyarakat moden? Ya, kami rasa ia masih relevan. Walaupun ia tidak boleh, dan tidak sepatutnya, dilihat sebagai remedai utama untuk isu-isu ini, ia boleh memberi kesan yang ketara. Pertama, di banyak negara, kerajaan jelas kekurangan sumber, infrastruktur atau kemahanian politik untuk bertindak balas terhadap kebanyakan isu ini. Akan terdapat juga jurang dalam perkhidmatan yang diperlukan walaupun di negara yang terdapat perkhidmatan kesihatan dan kebajikan masyarakat yang disediakan, sebahagian besar atau sepenuhnya, oleh kerajaan, atau Persatuan Kebangsaannya mempunyai sejumlah besar kakitangan bergaji yang terlatih dan cekap.

Secekap dan berdedikasi mana pun, pekerja kesihatan mungkin tidak dapat mengesan penderitaan yang hanya dapat dikesan oleh sukarelawan yang memahami keadaan setempat. Walaupun khidmat sukarela tidak bertujuan untuk mengganti pekerja bergaji atau perkhidmatan kerajaan, sebilangan besar orang di banyak tempat tidak akan dapat dibantu jika semua kerja yang dilakukan oleh sukarelawan perlu dibayar.

Di samping itu, hakikat bahawa sukarelawan Palang Merah dan Bulan Sabit Merah bukan kakitangan awam yang bekerja di bawah arahan boleh membantu mendapatkan keyakinan orang ramai yang mereka ingin bantu.

## Satu asas yang kukuh

Salah satu kekuatan Pergerakan terletak pada rangkaian luas sukarelawannya yang berasal dari komuniti tempatan namun bebas daripada pihak berkuasa tempatan atau masalah politik. Pengetahuan mereka tentang konteks tempatan dan penerimaan dalam komuniti membolehkan mereka mengambil peranan penting sebagai responden pertama dan fasilitator sekiranya berlaku krisis. Tanpa sokongan sukarelawan yang datang dari pelbagai latar belakang politik, agama dan sosial, Persatuan Kebangsaan tidak akan dapat memperoleh keyakinan yang sangat diperlukan daripada semua pihak untuk mendapatkan akses ke mangsa-mangsa dalam konflik bersenjata.

Mempunyai satu rangkaian sukarelawan yang menyeluruh juga membantu Persatuan Kebangsaan memahami kebimbangan dan aspirasi semua segmen masyarakat: golongan muda, tua, kaya dan miskin.

Kesukarelawan di kalangan orang muda adalah sumber harapan untuk mewujudkan satu masyarakat yang lebih aman dan bersatu padu kerana ia mengumpulkan orang dari pelbagai afiliasi dan latar belakang yang menyokong satu matlamat yang sama. Di kawasan yang terjejas oleh keganasan, kemiskinan dan penjagaan kesihatan yang lemah, sukarelawan tempatan boleh memberi sumbangan positif kepada komuniti.

Akhir sekali, di banyak negara, program sukarelawan berfungsi sebagai latihan kerja de facto, menyediakan pendidikan dan platform untuk menggalakkan perpaduan sosial di negara-negara yang mempunyai sedikit peluang sedemikian.



**Prinsip khidmat sukarela memberi inspirasi kepada orang ramai untuk terlibat dalam kerja harian jangka panjang untuk meningkatkan tahap kesihatan dan kesejahteraan komuniti setempat, baik dalam masa aman maupun krisis.**  
**(Gambar) Sukarelawan Palang Merah dan penduduk kampung di penempatan yang dikuarantin di Guinea membantu membersihkan kawasan pelabuhan kampung itu dalam kempen meningkatkan kebersihan dan mengurangkan kejadian penyakit berjangkit.**



B. Matsha-Carpentier/Perserikatan Antarabangsa

**TINDAKAN BERPRINSIP:**

# ‘SEKALI MENJADI SUKARELAWAN, SELAMANYA BERSUKARELAWAN.’

Narayan Kumar Shrestha dikenali sebagai 'Pakcik Ambulans' - satu testimoni untuk kerja kemanusiaan kecemasannya di Nepal. Semasa gempa bumi 2015, dia menyelamatkan lebih 100 orang, kebanyakannya dia membawa di belakangnya. Beliau juga memberi sokongan psiko-sosial kepada orang yang mengalami trauma akibat gempa bumi.

“Kesukarelawan adalah atas Pergerakan, dan kerja saya seolah-olah salah satu batu bata yang membantu membina sebuah istana. Semangat kesukarelawan ialah apa yang orang kaitkan dengan Palang Merah... Saya berasa telah mendapat ganjaran apabila orang mengatakan bahawa sokongan psiko-sosial membantu mereka membina semula keyakinan diri dan memulihkan kehidupan mereka seperti biasa.”



- Seorang pelatih jururawat di Bangui, Republik Afrika Tengah, Edwige Marina ialah sukarelawan sokongan psiko-sosial utama untuk Persatuan Palang Merah Afrika Tengah. Dia memahami bagaimana sesebuah keluarga menderita akibat konflik. Adik lelakinya terbunuh dan keluarganya kehilangan tempat tinggal selepas rumahnya dirompak dan dimusnah-kan dalam konflik. Pernah sekali apabila kem pelarian di mana dia bekerja telah diserang, dia hampir berhenti dari kerja kemanusiaannya.

“Saya melihat orang di sekeliling saya dan berasa belas kasihan. Setelah dua kali kehilangan tempat tinggal, mereka memerlukan saya lebih daripada sebelumnya. Sejak itu, saya tidak pernah melihat ke belakang. Saya berpendapat bahawa menjadi sukarelawan adalah panggilan saya, dan sekali menjadi sukarelawan, selamanya bersukarelawan.”

- Walaupun Ala Sahim adalah seorang pegawai lapangan bergaji dengan pasukan pembedahan bergerak ICRC di Aden semasa konflik Yaman pada 2014, dedikasinya menonjolkan semangat sukarelawan. Dia bekerja sepanjang masa di hospital Al-Gomhoriah untuk memastikan ia terus beroperasi walaupun pertempuran dan pengeboman berlaku di sekelilingnya.

“Saya tidak dapat balik rumah kerana sekatan jalan raya, dan saya takut jika saya pergi, saya mungkin tidak dapat kembali ke hospital di mana saya diperlukan. Bertanggungjawab ke atas hospital dan program tindak balas kecemasannya di tengah-tengah pertempuran sengit adalah satu cabaran besar. Saya amat berbangga dengan pencapaian kami. Dalam satu bulan, kami dapat merawat 800 orang yang cedera dalam perang.”

**Semangat kesukarelawan memberi orang harapan dan rasa tujuan. (Gambar) Sukarelawan Persatuan Palang Merah Kiribati bersama pengajar mereka meraikan tamatnya latihan pertolongan cemas mereka.**



## BERSATU

Hanya ada satu Persatuan Palang Merah atau Bulan Sabit Merah dalam mana-mana satu negara. Ia mesti terbuka kepada semua. Ia mesti melaksanakan kerja kemanusiaannya di seluruh wilayahnya.



# BERSATU

Prinsip bersatu mungkin kelihatan agak biasa tetapi signifikannya jauh lebih mendalam. Prinsip ini penting untuk memastikan Prinsip-prinsip Asas keberkecualian, kesaksamaan, kesejagat dan kebebasan dapat dipertahankan. Keperluan bahawa hanya terdapat satu Persatuan Kebangsaan yang meliputi semua wilayah sesebuah negara bermakna Persatuan Kebangsaan mesti mempunyai cawangan di seluruh negara. Ia mesti terbuka kepada semua juga bermakna tenaga kerjanya harus mewakili semua kumpulan yang membentuk populasi negara tersebut. Faktor-faktor ini meningkatkan dengan ketara keupayaan Persatuan Kebangsaan kekal berkecuali dalam pertikaian dan kontroversi di negara tersebut, dan ia dapat membawa bantuan yang berkesan dan saksama ke seluruh negara apabila diperlukan.

**Prinsip bersatu bermaksud Pergerakan ini terbuka kepada semua. Sebagai contoh, tahanan di beberapa penjara Ireland telah menyertai Palang Merah Ireland. Prinsip-prinsip Asas menjadi teras kerja mereka yang membolehkan tahanan lain mendapat akses penuh kepada perkhidmatan kesihatan di samping mencegah keganasan.**



## **Menjadi satu-satunya Persatuan Kebangsaan di sebuah negara**

Atas sebab ini, dekri atau undang-undang kerajaan yang mengiktiraf Persatuan Kebangsaan biasanya menyatakan bahawa ia adalah satu-satunya Persatuan Kebangsaan Palang Merah atau Bulan Sabit Merah yang boleh menjalankan aktivitinya di semua wilayah negara tersebut.

Selain daripada risiko kekeliruan di kalangan orang ramai jika terdapat beberapa persatuan yang menjalankan tugas yang sama, terdapat juga risiko bahawa persatuan-persatuan ini akan masing-masing mewakili komuniti yang berbeza dalam negara, ini akan menjelaskan keupayaan mereka untuk kekal saksama, berkecuali dan bebas.

## **Tiada diskriminasi dalam pengambilan ahli**

Kekuatan Persatuan Kebangsaan datang dari kepelbagaianya dan rangkaian keahlian yang luas. Oleh itu, adalah penting bahawa ia terbuka kepada semua termasuk badan pentadbirnya. Statut Pergerakan menyatakan bahawa Persatuan Kebangsaan mesti "merekrut sukarelawan dan kakitangannya tanpa mengambil kira kaum, jantina, kelas, agama atau pendapat politik."

Sebuah Persatuan Kebangsaan mesti merekrut ahli daripada semua kumpulan etnik dan sosial dalam negara jika ia ingin menikmati keyakinan dari semua pihak, iaitu sesuatu yang amat diperlukan untuk memenuhi misinya dengan berkesan. Aktiviti-aktivitinya tidak boleh dikhaskan hanya untuk mereka yang berada di kelas yang paling istimewa. Ia mesti terbuka kepada kedua-dua komuniti di luar bandar dan bandar. Dengan menikmati sokongan penuh dari semua lapisan masyarakat, Persatuan Kebangsaan akan memperolehi kedua-dua cara dan autoriti yang diperlukan untuk menentang tekanan luar yang mungkin melemahkan autonominya atau mandat kemanusiaannya yang saksama.

Tiada diskriminasi dalam pengambilan ahli dan kakitangan adalah sangat penting terutamanya di negara di mana komuniti yang berbeza menentang satu sama lain atas dasar politik, perkauman atau agama. Persatuan Kebangsaan tidak boleh membenarkan dirinya dipengaruhi oleh politik atau ideologi, dan publisiti untuk pengambilan sukarelawan mereka mestilah inklusif.



**Prinsip bersatu menghendaki Persatuan Kebangsaan bekerja di seluruh negara. (Gambar)**  
**Sukarelawan dari Palang Merah Montenegro menghulurkan bantuan kepada penduduk di kawasan terpencil dalam suhu beku semasa cuaca sejuk yang teruk.**


### **Meliputi seluruh wilayah**

Keperluan bahawa Persatuan Kebangsaan meliputi semua wilayah di sesebuah negara bertujuan untuk memastikan bahawa tiada kawasan yang akan diabaikan untuk mengutamakan kawasan lain – satu pelanggaran Prinsip kesaksamaan.

Ini mungkin terbukti sukar dalam beberapa konflik dalaman, di mana sebahagian besar kawasan dalam negara mungkin tidak dapat diakses oleh Persatuan Kebangsaan. Walaupun keadaan sedemikian mungkin dalam beberapa kes menjejas sama ada Pergerakan boleh memberikan pengiktirafan rasmi kepada Persatuan Kebangsaan tersebut, ia tidak seharusnya menghalang Pergerakan daripada mewujudkan hubungan kerja praktikal dengan organisasi berkenaan dan membantu dalam kerja kemanusiaannya.

# PRINSIP SALING BERKAITAN:

Bagaimana Prinsip Bersatu dikaitkan dengan Prinsip-prinsip Asas yang lain?



Prinsip-prinsip Asas saling berkait rapat, dengan setiap Prinsip bergantung kepada yang lain untuk direalisasikan sepenuhnya.

## **TINDAKAN BERPRINSIP: BERSATU: ASAS KEBEBASAN**

Tidak lama selepas kemerdekaan Sudan Selatan, satu konflik yang dahsyat tercetus. Dengan ketegangan yang semakin memuncak, usaha-usaha untuk memberikan bantuan kemanusiaan kepada berjuta-juta orang awam yang terperangkap di antara kumpulan yang berperang menghadapi cabaran yang besar.

Namun Palang Merah Sudan Selatan dapat meneruskan kerjanya, sebahagiannya disebabkan oleh satu undang-undang yang diluluskan oleh kerajaan Sudan Selatan yang mengiktirafkannya sebagai satu agensi kemanusiaan yang bebas, saksama dan berkecuali. Kerajaan menerima bahawa Persatuan Kebangsaan akan beroperasi mengikut Prinsip-prinsip Asas dan ia adalah berautonomi dalam menentukan cara menjalankan operasinya. Diiktiraf sebagai bebas adalah satu alat yang amat penting dalam usahanya membantu orang di semua kawasan dalam negara.



"Apabila kerajaan atau kumpulan bersenjata cuba campur tangan dalam operasi bantuan, kakitangan dan sukarelawan boleh menyatakan bahawa undang-undang itu telah ditandatangani oleh semua ahli parliment, mewakili semua wilayah di negara dan semua kumpulan etnik," kata Encik Lobor, setiausaha agung Palang Merah Sudan Selatan. "Ini tidak bermakna semua perkara sentiasa berjalan lancar untuk sukarelawan yang bekerja di kawasan yang terdapat keganasan dan ketegangan yang melampau. Tetapi ia memberi mereka satu asas yang kukuh untuk mempertahankan pendirian mereka."

Banyak Persatuan Kebangsaan mungkin telah terpecah belah akibat konflik. Tetapi ini tidak berlaku di Sudan Selatan. Ahli, kakitangan dan sukarelawannya bersatu dalam memberikan bantuan yang amat diperlukan.

"Lembaga pentadbir dan lembaga di cawangan-cawangan kami mesti mempunyai wakil dari kumpulan etnik yang berbeza," kata Encik Lobor. "Apabila orang melihat bahawa mereka diwakili - bahawa semua orang diwakili - ia mewujudkan rasa kekitaan. Mereka merasakan ini adalah Persatuan Kebangsaan mereka."

Rasa bersatu ini membantu Persatuan Kebangsaan berfungsi sebagai satu badan yang kohesif dan berupaya untuk menyampaikan bantuan kemanusiaan yang saksama kepada mereka yang paling memerlukan, tidak kira latar belakang etnik.

**Sukarelawan Palang Merah Sudan Selatan mengambil bahagian dalam latihan pertolongan cemas.**







## KESEJAGATAN

Pergerakan ini beroperasi di seluruh dunia dan semua Persatuan-nya mempunyai status yang sama dan berkongsi tanggungjawab dan tugas yang sama rata dalam membantu satu sama lain.



**Kesejagatan Pergerakan ini dipamerkan setiap tahun apabila sukarelawan dari seluruh dunia berkumpul di Solferino, Itali. Pertempuran Solferino memberi inspirasi kepada penubuhan Pergerakan ini lebih 150 tahun yang lalu.**



## KESEJAGATAN

Dengan Prinsip terakhir ini, kita kembali kepada prinsip yang pertama. Seruan untuk meringankan penderitaan manusia "di mana sahaja ia boleh ditemui" menghendaki tindak balas di seluruh dunia. Kita tidak boleh mendakwa benar-benar berdedikasi untuk mengurangkan penderitaan manusia jika kita mengabaikan kawasan tertentu di dunia atau golongan masyarakat tertentu.

Komitmen kemanusiaan kita mesti mengatasi halangan politik, bangsa dan agama. Solidariti global tersirat dalam Prinsip kemanusiaan dan dinyatakan melalui Prinsip Kesejagatan. Itulah sebabnya dalam Pergerakan ini, setiap Persatuan Kebangsaan bertanggungjawab untuk menyokong Persatuan saudaranya dan membantu mereka apabila diperlukan.

Kesejagatan Pergerakan dapat dilihat paling jelas melalui Persatuan-persatuan Kebangsaan yang wujud di hampir setiap negara di dunia. Walaupun beberapa negara belum mempunyai Persatuan Kebangsaan Palang Merah atau Bulan Sabit Merah – atau mempunyai Persatuan yang belum lagi diiktiraf sebagai ahli penuh Pergerakan – terdapat Persatuan Kebangsaan di 189 negara setakat tahun 2015.

Walaupun Prinsip kesejagatan tidak menyebut secara eksplisit Persekutuan Antarabangsa atau ICRC, kedua-dua organisasi itu turut menyumbang kepada kesejagatan Pergerakan. Persekutuan berbuat demikian dengan memudahkan dan menggalakkan kerjasama antara Persatuan Kebangsaan dan dengan menyeraskan usaha bantuan antarabangsa berikut bencana alam. ICRC pula berbuat demikian dengan bekerja di mana-mana negara di mana terdapatnya konflik bersenjata dan keganasan serius dan memerlukan tindak balas kemanusiaan.



Persekutuan Antarabangsa, Persatuan Kebangsaan dan ICRC bekerjasama dalam krisis, masing-masing membuat sumbangan mengikut mandat sendiri. (Gambar) Seorang perwakilan Persekutuan Antarabangsa bercakap dengan seorang lelaki yang kehilangan tempat tinggal akibat pertempuran di Ukraine.

Solidariti pergerakan ini amat ketara terutamanya selepas bencana besar-besaran yang datang tiba-tiba atau semasa peperangan apabila kami memobilisasikan sokongan untuk orang ramai dan Persatuan Kebangsaan di negara-negara yang terjejas. Tetapi solidariti global tidak terhad pada waktu krisis. Pada masa aman, Pergerakan juga berusaha untuk membangunkan dan mengukuhkan Persatuan Kebangsaan, terutamanya Persatuan yang lebih muda atau dari negara berpendapatan rendah yang kekurangan sumber. Ia kemudian terpulang kepada Persatuan-persatuan yang mempunyai lebih sumber atau berpengalaman untuk memberi sokongan kepada mereka dalam semangat saling menghormati dan kesaksamaan.

**Prinsip kesejagatian menghendaki seluruh Pergerakan bekerjasama untuk membantu orang yang paling terdedah. (Gambar) Kakitangan ICRC dan Palang Merah Filipina membuat penilaian impak konflik antara kumpulan bersenjata dan tentera kerajaan di Zamboanga.**





Magen David Adam

Pergerakan ini bertujuan untuk mengurangkan penderitaan manusia "di mana sahaja ia boleh ditemui." Persatuan-persatuan Kebangsaan, yang terdapat hampir di mana-mana di dunia dan bertindak dalam solidariti antara satu sama lain, mencerminkan kesejagatan Pergerakan.

## Status sama rata

Kesamaan, saling menghormati dan rasa tanggungjawab bersama adalah penting untuk tindakan kemanusiaan yang benar-benar sejagat. Lagipun, nilai-nilai ini yang membolehkan rangkaian antarabangsa kami yang pelbagai berfungsi dengan berkesan selaras dengan Prinsip-prinsip Asas iaitu kemanusiaan, kesaksamaan dan bersatu – yang selalunya menghadapi tekanan yang kuat.

Bagi Pergerakan, kepelbagaian adalah penting untuk identiti dan misinya. Kepelbagaian ini berpunca daripada kedua-dua asal budaya komponennya di seluruh dunia - Persatuan Kebangsaan, Persekutuan Antarabangsa dan ICRC - dan bagaimana tanggungjawab dikongsi di antara mandat mereka yang berbeza.

Untuk menjamin kesamaan, Pergerakan dipandu oleh peraturan dalaman untuk memberi suara kepada ahli komponen dalam keputusan penting yang mempengaruhi aktiviti kemanusiannya. Sebagai contoh, setiap Persatuan Kebangsaan mempunyai satu undi di Perhimpunan Agung Persekutuan, Majlis Perwakilan Pergerakan dan Persidangan Antarabangsa Palang Merah dan Bulan Sabit Merah.

Kesejagatan ini juga dicerminkan dalam prinsip-prinsip dan undang-undang kemanusiaan yang berasal dari luar Pergerakan, tetapi asal usulnya boleh dikaitkan dengan inisiatif Pergerakan (seperti yang diterangkan dalam pengenalan di muka surat 80).

Perlindungan undang-undang antarabangsa yang diberikan kepada orang yang terjejas dalam konflik adalah satu contoh. Undang-undang kemanusiaan antarabangsa dan terutamanya empat Konvensyen Geneva 1949 – ditandatangani oleh hampir semua Negara – mengatasi kekhususan kebangsaan dan perbezaan ideologi. Atas sebab ini, Persatuan-persatuan Kebangsaan dan ICRC yang diberikan tanggungjawab tertentu secara eksplisit oleh undang-undang kemanusiaan harus membantu Negara-negara menyebarkan

pengetahuan tentang instrumen universal penting ini yang melindungi mangsa perang dan meningkatkan pematuhaninya.

## Cabaran untuk kesejagatan

Prinsip kesejagatan juga menimbulkan cabaran kepada Pergerakan. Sebagai contoh, untuk menyertai atau kekal dalam Pergerakan, semua Persatuan Kebangsaan mesti mematuhi Prinsip-prinsip Asas. Tetapi patutkah Pergerakan membenarkan sedikit ruang supaya ia kekal berstatus antarabangsa dan terbuka? Atau patutkah Persatuan Kebangsaan dikecualikan dari Pergerakan jika mereka tidak mematuhi Prinsip-prinsip Asas sepenuhnya, walaupun ia mungkin menjelaskan keupayaan Pergerakan untuk bertindak di beberapa negara? Pergerakan mesti menimbang setiap situasi dengan teliti untuk memilih tindakan yang betul.

Walaupun tahap fleksibiliti tertentu, kesabaran dan persefahaman bersama adalah harga yang perlu dibayar untuk mengekalkan kesejagatan Pergerakan, beberapa kompromi tidak boleh diterima: mana-mana Persatuan Kebangsaan yang secara berterusan melanggar Prinsip kemanusiaan, atau yang kegiatannya sengaja berat sebelah, akan menyebabkan dirinya terpisah dari Pergerakan akibat tindakan sendiri.

Prinsip kesejagatan menghendaki Persatuan Kebangsaan memberi solidariti dan sokongan dengan cara yang tidak menjelaskan komponen Pergerakan yang lain - terutamanya Persatuan Kebangsaan di negara-negara yang dilanda krisis. Walaupun berniat baik, Persatuan Kebangsaan yang campur tangan secara unilateral di negara lain tanpa persetujuan boleh menyebabkan kekeliruan, dan menjelaskan prinsip bersatu, kesejagatan dan kebebasan Persatuan Kebangsaan negara itu.

Sama seperti kegagalan atau ketiadaan satu komponen Pergerakan boleh menjelaskan seluruh "keluarga", kejayaan setiap komponen, dan kredibiliti dan kekuatan dari rangkaian antarabangsa, boleh mengangkat kita semua. Rangkaian yang mempunyai kesejagatan yang tiada tandingan ini adalah sumber berharga untuk semua manusia yang mesti dilindungi dan dihargai dengan menjunjung ketujuh-tujuh Prinsip Asas ini.

**Hampir setiap negara diwakili di persidangan antarabangsa Pergerakan dan majlis perwakilannya.**



**TINDAKAN BERPRINSIP:**

## KISAH SUWARTI: KESEJAGATAN DITERAP

Dikelilingi oleh landskap yang kelihatan pasca-apokaliptik, Suwarti duduk dan merenung, terpegun. "Ia mengejutkan. Saya hilang kata-kata," katanya kepada seorang wartawan. Bingkai bangunan yang hancur di sekelilingnya menyelubungi satu landskap runtuhan yang rata, logam yang dipintal, kereta yang terbalik dan bot yang terkurung di daratan.

Jururawat muda yang memakai pakaian seragam Palang Merah Jepun ini telah mengembara ke timur laut Jepun bersama lima rakan sekerja untuk membantu orang yang terselamat dalam gempa bumi berukuran 9.0 magnitud yang menyebabkan tsunami yang menjulang tinggi merempuh komuniti di sepanjang pantai Tohoku pada tahun 2011.

Kemusnahan itu membawa kembali kenangan Suwarti tentang pengalamannya di Indonesia, tempat asalnya. Dia tiba di Banda Aceh dengan pasukan bantuan selepas tsunami 26 Disember 2004 telah memusnahkan bandar itu.

Tujuh tahun kemudian, dan kini sebahagian daripada program pertukaran jururawat dengan Palang Merah Jepun, Suwarti sekali lagi membantu mangsa tsunami. Keazaman Suwarti untuk membantu orang telah dimotivasi oleh pengalamannya di Banda Aceh. "Ketika negara saya memerlukan bantuan, banyak negara dan organisasi yang berbeza membantu kami, termasuk Palang Merah Jepun," katanya.

"Bencana boleh melanda pada bila-bila masa dan memberi kesan kepada sesiapa sahaja, jadi sebagai seorang ahli Palang Merah, saya berasa ia adalah tanggungjawab saya untuk membantu sesiapa yang terjejas akibat bencana – tidak kira apa etnik, agama atau kewarganegaraan mereka."

**Suwarti, seorang jururawat dan sukarelawan Indonesia, bekerja di hospital Palang Merah Jepun di Tokyo.**





I. Malla/Bulan Sabit Merah Arab Syria

# **PRINSIP-PRINSIP SALING BERKAIT**

Mungkin tiada apa yang lebih mencabar untuk tindakan kemanusiaan daripada perang saudara. Perang saudara menyebabkan perasaan benci bertambah; memecahbelahkan masyarakat dan menyebabkan jiran melawan jiran. Apabila serangan meningkat, ahli-ahli dari kumpulan tertentu melaikan diri untuk keselamatan, ini menyebabkan kawasan kejiranan yang mempunyai pelbagai budaya sebelum ini kehilangan kepelbagaiannya.

Sukarelawan yang bekerja dalam keadaan sedemikian mesti sering mempertahankan keberkecualian, kesaksamaan dan kebebasan mereka ketika menghadapi orang yang ingin tahu mengapa sukarelawan "membantu musuh."

Ia adalah satu keseimbangan yang sukar dicapai. Semasa konflik berpanjangan di Syria, Bulan Sabit Merah Arab Syria (SARC) telah kekal dekat dengan komuniti melalui cawangan tempatannya tetapi juga berjaya mengekalkan hubungannya dengan kerajaan untuk mendapatkan akses dan supaya dapat melewati tempat pemeriksaan. Persatuan Kebangsaan telah dituduh secara berterusan membantu pihak pemberontak dan terlalu dekat dengan kerajaan.

"Kami menghadapi risiko yang besar, tetapi kami komited untuk kekal berkecuali," kata Zaki Malla Aref, sukarelawan SARC. Dia menjelaskan bahawa kebanyakannya badan amal tempatan di kawasan itu membantu satu pihak atau yang lain, jadi orang ramai tidak biasa dengan idea tentang bantuan kemanusiaan yang berkecuali dan bebas. "Apabila satu kumpulan bertanya kepada kami, 'Siapa kamu?', ia boleh menjadi masalah. Kami perlu memberitahu mereka bahawa kami adalah Bulan Sabit Merah Arab Syria dan kami tidak memihak kepada kumpulan ini atau yang lain."

## **Persatuan Kebangsaan dalam masa aman**

Sebelum tembakan pertama dilepaskan semasa protes jalanan pada tahun 2011, Bulan Sabit Merah Arab Syria merupakan satu Persatuan Kebangsaan yang agak tipikal, yang mempunyai hubungan rapat dengan kerajaan. Walau bagaimanapun, para sukarelawan telah mendapat persediaan tertentu. Mereka menimba pengalaman dalam kerja kecemasan melalui bantuan untuk kemarau, dan kemasukan pelarian dari Iraq. Latihan daripada Persatuan Kebangsaan lain, ICRC dan Persekutuan Antarabangsa membantu meletakkan asas untuk tindak balas yang berkecuali dan saksama apabila perang saudara tercetus.

**Sukarelawan mesti mematuhi Prinsip-prinsip Asas. (Gambar)**

**Sukarelawan Bulan Sabit Merah Arab Syria memberikan bantuan kemanusiaan semasa konflik di sana.**




**Sukarelawan Bulan Sabit Merah Arab Syria membina kepercayaan di kalangan komuniti dan kumpulan politik dengan mematuhi Prinsip keberkecualian dan kebebasan. Oleh itu, mereka boleh menyediakan perkhidmatan kesihatan yang penting, seperti vaksin polio (gambar).**

Apabila perang tercetus, SARC menegaskan kebebasannya. Untuk bertindak selaras dengan Prinsip kemanusiaan, ia berusaha untuk mengelakkan sikap saksamanya dan memberikan bantuan di tempat yang paling memerlukan, sama ada di kawasan yang dikawal oleh kerajaan atau oleh kumpulan pembangkang. Satu perkara yang membantu ialah cawangan SARC di seluruh negara mewakili pelbagai komuniti yang terjejas akibat pertempuran, jadi Prinsip bersatu, kesejagat dan khidmat sukarela membolehkan SARC beroperasi dengan berkesan.

Tiada sebarang persediaan atau pematuhan kepada Prinsip-prinsip Asas dapat menjadi perisai yang sempurna dalam masa peperangan. Walaupun SARC mengambil tindakan berprinsip dalam konflik itu, ramai sukarelawannya telah terbunuh, cedera, diculik atau ditahan. Namun, persediaan, latihan, pengalaman dan sokongan ini telah membolehkan Bulan Sabit Merah Arab Syria menjadi penyedia utama bantuan kemanusiaan di Syria.

# PRINSIP SALING BERKAITAN:

Dalam cara apakah Prinsip-prinsip Asas  
bergantung pada satu sama lain?



Tindakan selaras dengan Prinsip kemanusiaan melibatkan pematuhan kepada semua prinsip yang lain. Tetapi keupayaan untuk bersikap saksama - iaitu membantu mereka yang paling memerlukan, sesiapa sahaja dan di mana sahaja mereka berada - adalah amat penting. Untuk bertindak selaras dengan prinsip kesaksamaan, Bulan Sabit Merah Arab Syria perlu menunjukkan bahawa ia mengamalkan sikap berkecuali dalam konflik walaupun ia bekerjasama dengan kerajaan. Ia juga memerlukan khidmat sukarela di peringkat cawangan untuk menerapkan prinsip kemanusiaan dalam tindakannya. Dengan cawangan di semua kawasan dalam negara yang berpecah-belah dan terbuka kepada semua rakyat Syria - seperti yang dikehendaki oleh Prinsip bersatu - membolehkan Bulan Sabit Merah Arab Syria menegaskan kebebasan operasinya daripada mana-mana pihak yang terlibat dalam konflik, yang seterusnya membenarkan para sukarelawan untuk bekerja secara saksama dan berkecuali di semua pihak dalam barisan pertempuran. Dan oleh kerana Bulan Sabit Merah Arab Syria merupakan sebahagian daripada satu rangkaian sedunia, ia boleh menunjukkan perkaitannya dengan matlamat dan cita-cita kemanusiaan sejagat, yang tidak berkaitan dengan sebarang agenda politik tempatan. Dengan ini, prinsip bersatu dan kesejagatannya mewujudkan pra-syarat yang diperlukan untuk tindakan kemanusiaan yang saksama, berkecuali dan bebas yang boleh dipercayai oleh semua pihak dalam konflik.



**Berbandukan prinsip kami, Pergerakan Palang Merah dan Bulan Sabit Merah berusaha untuk memberikan bantuan kepada orang yang memerlukan. (Gambar) Seorang anggota pasukan kecemasan Persatuan Bulan Sabit Merah Palestin membawa pertolongan cemas, selimut dan bantuan lain semasa ribut salji di Gaza dan Tebing Barat.**

## SUMBER DAN RUJUKAN

Berikut ialah laporan, artikel dan pautan internet yang menjadi asas kepada teks dalam dokumen ini dan merupakan sumber yang sangat baik untuk mereka yang ingin mengetahui lebih lanjut tentang Prinsip-prinsip Asas dalam tindakan kemanusiaan.

(1) Prinsip-Prinsip Asas Palang Merah dan Bulan Sabit Merah, Ulasan oleh Jean Pictet, peguam ICRC dan penyumbang kepada Konvensyen Geneva 1949.

[www.ifrc.org/PageFiles/40669/Pictet%20Commentary.pdf](http://www.ifrc.org/PageFiles/40669/Pictet%20Commentary.pdf)

(2) "Prinsip-prinsip membimbing tindakan kemanusiaan," Jurnal Antarabangsa Palang Merah, Vol. 97, No. 897-898, 2015.

[www.icrc.org/en/international-review](http://www.icrc.org/en/international-review)

- (3) Laman web yang didedikasi untuk Prinsip-prinsip Asas Pergerakan Antarabangsa Palang Merah dan Bulan Sabit Merah:  
[www.fundamentalprinciples.today](http://www.fundamentalprinciples.today)
- (4) Fiona Terry. "Jawatankuasa Antarabangsa Palang Merah di Afghanistan: menegaskan semula keberkecualian dalam tindakan kemanusiaan," Jurnal Antarabangsa Palang Merah, No. 881.  
[www.icrc.org/eng/resources/documents/article/review-2011/irrc-881-terry.htm](http://www.icrc.org/eng/resources/documents/article/review-2011/irrc-881-terry.htm)
- (5) Palang Merah British, ICRC dan Palang Merah Lubnan. "Tindakan berprinsip di Lubnan." 20-12-2012 Ruj Penerbitan. 4128  
[www.icrc.org/eng/resources/documents/publication/p4128.h](http://www.icrc.org/eng/resources/documents/publication/p4128.h)
- (6) Sorcha O'Callaghan dan Jane Backhurst, Palang Merah British. "Tindakan berprinsip di Somalia." Dihasilkan dengan kerjasama Bulan Sabit Merah Somalia sebagai sebahagian daripada projek Prinsip-prinsip Asas dalam Tindakan Kemanusiaan. Untuk maklumat lanjut, sila hubungi HP@redcross.org.uk atau layari [www.redcross.org.uk](http://www.redcross.org.uk)
- (7) Pierre Krähenbühl. "Pendekatan ICRC terhadap cabaran keselamatan kontemporari: Masa depan untuk tindakan kemanusiaan yang bebas dan berkecuali" Artikel 30-09-2004, Jurnal Antarabangsa Palang Merah, No. 855.  
[www.icrc.org/eng/resources/documents/misc/66cm82.htm](http://www.icrc.org/eng/resources/documents/misc/66cm82.htm)
- (8) Kerangka Untuk Akses yang Lebih Selamat. Berdasarkan situasi, pengalaman terkini dan senario yang mungkin di masa depan, Kerangka ini menyediakan cara praktikal untuk merekod dan menangani halangan, risiko dan cabaran yang dihadapi oleh Persatuan-persatuan Kebangsaan dalam melaksanakan kerja kemanusiaan mereka.  
[www.icrc.org/en/what-we-do/cooperating-national-societies/safer-access-allnational-societies](http://www.icrc.org/en/what-we-do/cooperating-national-societies/safer-access-allnational-societies)
- (9) Persekutuan Antarabangsa Persatuan-Persatuan Palang Merah dan Bulan Sabit Merah Mempromosikan Prinsip-prinsip dan Nilai-nilai  
[www.ifrc.org/principles](http://www.ifrc.org/principles)  
[www.ifrc.org/Global/Documents/Secretariat/201506/747leaflet-EN-FINAL.pdf](http://www.ifrc.org/Global/Documents/Secretariat/201506/747leaflet-EN-FINAL.pdf)
- (10) Majalah Palang Merah dan Bulan Sabit Merah.  
[www.redcross.int](http://www.redcross.int)



## **KENYATAAN MISI**

Persekutuan Antarabangsa Persatuan-Persatuan Palang Merah dan Bulan Sabit Merah (IFRC) ialah rangkaian kemanusiaan berasaskan sukarelawan yang terbesar di dunia. Dengan 189 ahli Persatuan Kebangsaan Palang Merah dan Bulan Sabit Merah kami di seluruh dunia, kami berada dalam setiap komuniti dan mencapai 160.7 juta orang setiap tahun melalui perkhidmatan jangka panjang dan program pembangunan, serta 110 juta orang melalui program tindak balas bencana dan pemulihian awal. Kami bertindak sebelum, semasa dan selepas bencana dan kecemasan kesihatan untuk memenuhi keperluan dan meningkatkan kehidupan orang yang terdedah. Kami berbuat demikian dengan bersikap saksama kepada kewarganegaraan, bangsa, jantina, kepercayaan agama, kelas dan pendapat politik.

Jawatankuasa Antarabangsa Palang Merah (ICRC) ialah sebuah organisasi yang saksama, berkecuali dan bebas dengan misi kemanusiaannya yang eksklusif iaitu untuk melindungi nyawa dan maruah mangsa konflik bersenjata dan situasi keganasan yang lain serta menyediakan bantuan kepada mereka. ICRC juga berusaha untuk mencegah penderitaan dengan mempromosikan dan mengukuhkan undang-undang kemanusiaan dan prinsip kemanusiaan sejagat. Ditubuhkan pada tahun 1863, ICRC adalah asal kepada Konvensyen Geneva dan Pergerakan Antarabangsa Palang Merah dan Bulan Sabit Merah. Ia mengarah dan menyelaras aktiviti antarabangsa yang dijalankan oleh Pergerakan dalam konflik bersenjata dan situasi keganasan lain.



**ICRC**



International Federation  
of Red Cross and Red Crescent Societies